

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2023

HARI KHAMIS : 30 MAC 2023

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN
SAMY VELLU
TARIKH : 30 MAC 2023

DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian setakat ini dalam usaha menerajui perubahan dalam sektor kesihatan negara dari segi kesihatan digital dan kecerdasan buatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sememangnya mempunyai perancangan untuk menerajui perubahan dalam sektor kesihatan negara daripada segi kesihatan digital dan kecerdasan buatan. Terdapat beberapa inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian antaranya; membangunkan *Malaysian Health Data Warehouse* (MyHDW) sebagai Gudang Data Kesihatan berpusat yang mengumpulkan data secara elektronik berkaitan perkhidmatan kesihatan Malaysia secara komprehensif. Pengumpulan data diperluaskan kepada semua fasiliti hospital dan klinik kesihatan di sektor awam dan swasta. MyHDW digunakan bagi analisis data kesihatan bagi menghasilkan laporan statistik kesihatan dan perancangan strategik sistem kesihatan negara.
2. Selain itu, digitalisasi perkhidmatan kesihatan melalui peningkatan dan peluasan aplikasi *Person Care* dan *Population Health* sedia ada seperti Sistem Maklumat Hospital dan Klinik, Sistem Maklumat Farmasi, Sistem Maklumat Tabung Darah dan Sistem Maklumat Kesihatan Mental telah dan sedang dilaksanakan. Pendekatan penggunaan aplikasi mudah alih juga telah disediakan oleh Kementerian, antaranya MySejahtera yang disasarkan sebagai *super apps* kesihatan awam.

NO SOALAN: 13

3. KKM juga telah mengambil usaha untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan digital merentasi pelbagai sektor dan agensi melalui pembangunan Platform *Health Information Exchange*. Platform perkongsian data kesihatan secara digital ini sedang dibangunkan melalui Projek Rintis *Electronic Medical Record* (EMR) di Negeri Sembilan. Projek ini dijangka siap pada tahun 2024 dan hasil daripada projek rintis ini akan digunakan untuk perluasan Sistem EMR ke seluruh negara.
4. Bagi pembangunan aplikasi dan sistem baharu untuk perkhidmatan kesihatan pula, pelbagai projek telah mula dilaksanakan. Antaranya Sistem Imunisasi Kebangsaan, Sistem Registri Saringan Kanser Payudara dan Kanser Serviks, dan Sistem Transplan Kebangsaan. Kementerian juga telah membangunkan ekosistem analitik *big data* untuk penyelidikan kesihatan, selain mewujudkan platform kolaborasi tempatan bagi menangani ledakan revolusi industri 4.0.
5. KKM turut mengambil inisiatif menerajui perubahan dalam kecerdasan buatan di sektor kesihatan negara melalui pembangunan platform digital *Artificial Intelligence* (AI). Selain itu, KKM telah mengadaptasi teknologi baharu muncul (*emerging technology*) dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan; antaranya teknologi kecerdasan buatan bunyi batuk bagi saringan COVID-19; digital platform untuk mengesan kanser oral; dan teknologi robotik dalam perkhidmatan rehabilitasi.

6. Selain itu, KKM turut mengukuhkan komponen tadbir urus kesihatan digital melalui pelaksanaan pelbagai program kolaborasi strategik digital di peringkat awam, swasta, kebangsaan mahupun pihak industri. Antara program tersebut ialah *sandbox* teknologi dan inovasi kesihatan digital, *lab* kawal selia perkhidmatan secara atas talian dan *healthtech hub* sektor kesihatan. Inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian ini seterusnya berupaya menerajui perubahan dalam sektor kesihatan negara menerusi pengukuhan keupayaan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R, D & C) kesihatan digital Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN
TARIKH : 30 MAC 2023

TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pendirian terkini Kerajaan dalam menaikkan kadar gaji minimum daripada jumlah yang sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pendirian Kerajaan dalam pelaksanaan Perintah Gaji Minimum adalah tertakluk kepada peruntukan Seksyen 25, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 [Akta 732] yang menetapkan kajian semula perintah gaji minimum hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua tahun.
2. Kementerian Sumber Manusia melalui Majlis Perundingan Gaji Negara akan menjalankan kajian semula melalui borang kaji selidik, perundingan awam yang melibatkan wakil-wakil majikan, pertubuhan majikan, wakil pekerja, kesatuan sekerja dan orang awam bagi mendapatkan input dan maklumat berkaitan.
3. Indikator-indikator sosioekonomi yang diambil kira dalam proses kajian semula adalah Pendapatan Garis Kemiskinan, penengah gaji (keupayaan majikan untuk membayar gaji), kadar pengangguran, produktiviti buruh dan perubahan Indeks Harga Pengguna yang mencerminkan kos sara hidup. Indikator-indikator sosioekonomi ini juga akan mengambil kira pasaran tenaga kerja dan keadaan ekonomi negara semasa.

NO SOALAN: 14

4. Hasil daripada kajian tersebut, Majlis Perundingan Gaji Negara akan mengadakan deliberasi melalui pendekatan seimbang dengan izin, *balanced approach* dan membuat syor untuk pertimbangan di peringkat Jemaah Menteri melalui YB Menteri Sumber Manusia. Setelah syor dipersetujui, YB Menteri Sumber Manusia hendaklah membuat perintah gaji minimum baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN
YAHAYA
TARIKH : 30 MAC 2023

DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bahawa Belanjawan DBKL bagi tahun 2023 yang berjumlah RM2.604 billion terdiri daripada belanja operasi sebanyak RM1.96 billion (75 peratus) dan bagi belanja pembangunan sebanyak RM643 juta (25 peratus). Dengan perbelanjaan pembangunan yang hanya 25 peratus, adakah ia secara langsung menjejaskan banyak kerja-kerja seperti projek-projek untuk mengatasi banjir, pasar, gerai dan kemudahan warga kota lain yang tidak dapat dilaksanakan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbelanjaan pembangunan melibatkan 25 peratus (RM643 juta) daripada perbelanjaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tahun 2023 telah mengambilkira projek sedia ada (sambungan) dan baru yang telah diluluskan. Setiap projek pembangunan di Kuala Lumpur melibatkan proses Perancangan, Pembinaan dan seterusnya Penyiapan projek yang akan mengambil tempoh masa beberapa tahun. Ini termasuk jua, perancangan projek bagi mengatasi banjir, pasar, gerai dan kemudahan warga kota Kuala Lumpur berdasarkan aliran kewangan peruntukan mengikut tahun pelaksanaan projek-projek tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ROBERT LAU HUI YEW
TARIKH : 30 MAC 2023

TUAN ROBERT LAU HUI YEW minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk memperkenalkan teknik pembinaan jalan raya terkini untuk mengatasi masalah kerosakan jalan di kawasan tanah lembut disebabkan penenggelaman jalan, seperti yang sering berlaku di Sibul.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian ini telah memperkenalkan inisiatif inovasi dan kaedah baharu dalam penyenggaraan jalan. Inisiatif ini terkandung di dalam Pelan Strategik Organisasi PSO 2021 - 2025 Kementerian melalui Teras 2 - Memperluas penggunaan teknologi, inovasi dan digital dalam pembangunan dan penyenggaraan infrastruktur. Inisiatif ini bertujuan untuk memberi peluang terhadap kajian penyelidikan bagi menambah nilai terhadap struktur jalan dan meningkatkan hayat turapan jalan serta secara tidak langsung memberikan pulangan pelaburan (return of investment - ROI) yang lebih baik terhadap perbelanjaan kerajaan. Inisiatif inovasi dan kaedah baharu ini juga akan meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, Kementerian ini telah mengambil beberapa tindakan penyelesaian bagi mengatasi masalah mendapan tanah yang berlaku di beberapa lokasi Jalan Persekutuan di Sibu. Kementerian ini telah menggunakan kaedah pembaikan tanah (Ground Treatment) iaitu penggunaan *Polyurethane (PU) Geo Injection System* dan *Geopoly Mattress* bermula pada tahun 2018 bagi mengatasi masalah mendapan tanah (Ground Settlement). Penentuan kaedah pembaikan tanah ini telah dibuat setelah kajian tanah secara menyeluruh dan terperinci dilaksanakan oleh pihak perunding yang telah dilantik. Pemerhatian pihak JKR Sarawak mendapati, tiada mendapan aktif berlaku di lokasi pembaikan dan pemantauan akan dibuat secara berterusan bagi menilai

tahap keberkesanan kaedah yang telah diguna pakai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AK NAN A/L EHTOOK
TARIKH ; 30 MAC 2023

TUAN AK NAN A/L EHTOOK minta **minta MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah bilangan usahawan masyarakat Siam yang mengemukakan permohonan mengikut perkhidmatan/bantuan yang disediakan oleh Kementerian dan apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan minat usahawan masyarakat Siam ini untuk memohon perkhidmatan/bantuan lain yang disediakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini, hanya agensi **TEKUN Nasional** yang melaksanakan program khusus untuk masyarakat Siam menerusi **Skim Pembiayaan untuk Masyarakat Siam**. Sehingga Februari 2023, sejumlah **777 orang usahawan** masyarakat Siam telah menerima bantuan pinjaman kewangan melalui skim tersebut dengan jumlah keseluruhan pembiayaan adalah sebanyak **RM10,289,500.00**. Namun begitu, usahawan di kalangan masyarakat Siam boleh memohon dan menyertai pelbagai program di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang terbuka kepada semua rakyat Malaysia.
2. Dalam memudahcara dan menggalakkan penyertaan serta menarik minat usahawan Bumiputera termasuk usahawan masyarakat Siam, KUSKOP menerusi **SME Corp. Malaysia** telah membangunkan sebuah platform yang dikenali sebagai **MyAssist MSME**. Platform ini dibangunkan dengan tujuan untuk membantu pengguna bagi mendapatkan maklumat berkaitan Program Keusahawanan dan Pembangunan PMKS merentas Kementerian dan Agensi. Melalui platform ini juga, usahawan sedia ada mahupun bakal usahawan boleh mendapatkan maklumat terkini berkaitan perkhidmatan dan bantuan lain yang disediakan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 30 MAC 2023

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah strategi serta bentuk sokongan yang sedang dilaksanakan ke arah meningkatkan kadar pengeluaran padi di Negeri Sembilan dan apakah formula jangka panjang yang sedang dirangka bagi menggalakkan golongan petani luar bandar di negeri tersebut untuk melibatkan diri dalam sektor penanaman padi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini keluasan bertanam padi di Negeri Sembilan adalah seluas 1,480 hektar dengan jumlah pengeluaran padi adalah sebanyak 4,662 tan metrik. Pada tahun 2021, produktiviti hasil padi yang dihasilkan adalah sebanyak 3.150 tan/ha. Bagi meningkatkan lagi pengeluaran padi di Negeri Sembilan antara sokongan yang disediakan oleh Kerajaan adalah dengan menaiktaraf sistem pengairan. Sejak tahun 2020, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menguruskan naik taraf sistem pengairan secara berfasa bagi meningkatkan kecekapan sistem pengairan. Selain itu, pesawah juga mendapat sokongan dari segi perkhidmatan mekanisasi, perataan sawah, parit ladang dan khidmat nasihat penggunaan benih padi sah bagi menjamin padi berkualiti.

Bagi formula jangka panjang berikut adalah antara langkah yang dirangka oleh Kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran padi dinegeri tersebut.

- i. Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berterusan melalui pengenalan kepada varieti benih baharu seperti varieti baharu yang dapat meningkatkan hasil dan rintang (tahan) kepada penyakit;

NO SOALAN: 18

- ii. Mengalakkan penggunaan benih padi sah di mana sebanyak RM75 juta diperuntukkan setiap tahun bagi memastikan benih padi berkualiti dibekalkan kepada pesawah;
- iii. Meningkatkan kecekapan penggunaan input pertanian bagi memastikan peningkatan produktiviti tanaman padi seperti meningkatkan kesuburan tanah melalui soil profiling;
- iv. Pemantapan sistem pengembangan pertanian dan pengairan seperti pakej teknologi peningkatan hasil, pengurusan perosak bersepadu, penggunaan sistem teknologi maklumat (ICT) dan aplikasi mudah alih dalam menjalankan pemantauan aktiviti pertanian.
- v. Mengalakkan pembekalan baja kimia mengikut keperluan tanah sawah dan mengelakkan penggunaan baja organik daripada sumber tempatan bagi tujuan perawatan tanah.
- vi. Melaksanakan program penanaman padi 5 musim dalam tempoh 2 tahun. Program rintis sedang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dengan keluasan 240 hektar, Jabatan Pertanian (DOA) Kedah dengan keluasan 110 hektar dan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) dengan keluasan 168 hektar.
- vii. KPKM akan melancarkan program Lestari 5 yang mana inisiatif ini menyasarkan peningkatan pendapatan pesawah menerusi peningkatan hasil pengeluaran padi sebanyak 5 tan metrik per hektar.

- viii. Mengalakkan pesawah mengurus tanaman padi secara sistematik melalui penyertaan dalam program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB). Program SMART SBB telah dilaksanakan secara rintis di Negeri Sembilan dengan melibatkan penanaman padi di kawasan luar jelapang seluas 120 hektar di daerah Jempol. Dengan kekurangan infrastruktur pengairan dan saliran selain ketiadaan sumber air yang tetap, program tersebut masih mampu mencatatkan peningkatan sebanyak 400 peratus iaitu daripada 1.12 tan metrik per hektar kepada 5 metrik tan per hektar di bawah seliaan salah sebuah Syarikat Peneraju SMART SBB iaitu Kilang Beras Rakyat Sekinchan.

Dengan usaha yang telah dilaksanakan dan dirangka oleh Kerajaan ini, pengeluaran padi di Negeri Sembilan dijangka dapat ditingkatkan seterusnya dapat meningkatkan taraf hidup pesawah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.
MOHAMED HANIFFA BIN HJ.
ABDULLAH
TARIKH : 30 MAC 2023

PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan dan langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memperkasakan pembelajaran sepanjang hayat supaya lebih berstruktur dan relevan untuk kakitangan penjawat awam terutamanya bagi mereka yang dilantik ke kedudukan dan jawatan yang baharu.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memberi penekanan terhadap peningkatan prestasi dan kompetensi penjawat awam melalui pelaksanaan program pembangunan sumber manusia yang terancang, selaras dengan ketetapan Dasar Latihan Sektor Awam (DLSA).
2. Berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan, Kerajaan:
 - (i) melalui PP Bil.6/2005 telah mewajibkan setiap penjawat awam untuk hadir berkursus sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun;
 - (ii) melalui Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) menawarkan dan melaksanakan pelbagai kursus generik sama ada secara fizikal atau atas talian (E-Pembelajaran Sektor Awam) bagi pemerksaan dan pemantapan nilai kepimpinan dan kemahiran pengurusan organisasi bagi sepanjang tempoh perkhidmatan; dan

NO SOALAN: 19

- (iii) menawarkan kemudahan Cuti Belajar (Bergaji Penuh/Separuh Gaji/Tanpa Gaji) kepada penjawat awam yang melanjutkan pengajian dalam bidang yang berkeperluan di peringkat Diploma/ Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran, sama ada secara sepenuh masa atau separuh masa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK (DR.) RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI
TARIKH : 30 MAC 2023

DATUK (DR.) RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam menubuhkan Suruhanjaya OKU sebagai satu badan yang bebas menjamin hak OKU di Malaysia serta apakah usaha Kerajaan dalam meminda Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan agar perkataan diskriminasi turut disertakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa mendengar pandangan serta cadangan dari setiap pihak berkepentingan demi menjaga hak setiap golongan sasaran Kementerian, termasuk Orang Kurang Upaya.
2. Pada masa ini, cadangan penubuhan Suruhanjaya OKU memerlukan penelitian yang lebih terperinci yang lebih lanjut, bukan sahaja oleh hanya KPWKM tetapi juga oleh pelbagai pihak. Banyak perkara dan faktor perlu diperhalusi, termasuklah keperluan untuk turut mengambil kira implikasi kewangan membabitkan pewujudan jawatan pelbagai skim serta gred jawatan, perolehan aset, ruang pejabat di peringkat Ibu Pejabat, Negeri dan Daerah.
3. Keutamaan terdekat KPWKM ketika ini adalah untuk menyemak serta membawa pindaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] ke Parlimen serta penyediaan Laporan Negara Konvensyen Bagi Hak Orang Kurang Upaya (CRPD) untuk dikemukakan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UN). Urusan semakan Akta 685 ini mengambil kira semua aspek kesejahteraan OKU termasuklah yang berkaitan dengan isu diskriminasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK NORAINI IDRIS
TARIKH : 30 MAC 2023

DATUK NORAINI IDRIS minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme serta pendekatan yang sedang dipertimbangkan secara serius bagi memastikan undang-undang berkaitan larangan bertukar parti dapat diselaraskan pewujudan serta penguatkuasaannya di negeri-negeri yang masih belum membentangkan undang-undang tersebut di peringkat dewan undangan negeri.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 [*Akta A1663*] yang melarang Ahli Dewan Rakyat bertukar parti telah diwartakan pada 6 September 2022 dan berkuat kuasa mulai 5 Oktober 2022.
2. Peruntukan seksyen 6 Akta A1663 memberikan ruang kepada Kerajaan Negeri/Dewan Undangan Negeri untuk melaksanakan peruntukan larangan Ahli Dewan Rakyat bertukar parti melalui pindaan Perlembagaan Negeri, tertakluk persetujuan Raja atau Yang di-Pertua Negeri.
3. Sehingga kini, negeri Selangor, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Negeri Sembilan, Kelantan dan Sarawak adalah antara Negeri yang telah menguatkuasakan Enakmen Negeri masing-masing berkaitan larangan bertukar parti di peringkat Dewan Undangan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN
TARIKH : 30 MAC 2023**

DATUK LIM PAY HEN minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:

- (a) berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan kepada masyarakat Cina di Kampung Baru negeri Johor bagi membantu kampung tersebut bagi menaik taraf infrastruktur dan kemudahan asas; dan
- (b) apakah rancangan baru bagi mempromosikan sosio-ekonomi Kampung Baru Cina agar komuniti dapat menjana pendapatan alternatif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak Bahagian Kampung Baru Cina (BKBC) dipindahkan dari Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ke Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), fokus pertama adalah memastikan peruntukan yang sewajarnya disalurkan untuk pembangunan Kampung Baru. Bagi tahun 2023, sebanyak RM104 juta telah diluluskan untuk Program Pembangunan Kampung Baru berbanding RM84 juta untuk tahun 2022. Negeri Johor telah diluluskan peruntukan sebanyak RM13.5 juta untuk tujuan menaik taraf infrastruktur dan kemudahan asas tertakluk kepada permohonan yang dikemukakan.

KPKT juga telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi rancangan baharu mempromosikan sosio-ekonomi Kampung Baru Cina, terutamanya kampung-kampung yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan. KPKT turut membimbing dan membantu usahawan kecil dan sederhana yang berpotensi di Kampung Baru agar mampu berdaya saing dan secara tidak langsung meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk setempat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NUIING JELUING
TARIKH : 30 MAC 2023

DATO' DR. NUIING JELUING minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mengurangkan hutang negara sebanyak RM1.3 trilion. Adakah terdapat sebarang langkah khusus yang dirancang untuk memastikan hutang negara tidak meningkat lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga akhir 2022, hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM1,079.6 bilion atau 60.4% kepada KDNK. Daripada jumlah ini, hutang dalam negeri adalah sebanyak RM1,050.1 bilion manakala pinjaman luar pesisir sebanyak RM29.5 bilion.

Secara amnya, setiap tahun Kerajaan perlu membuat pinjaman bagi membiayai defisit fiskal iaitu menampung perbelanjaan pembangunan. Pinjaman tahunan ini akan meningkatkan paras hutang Kerajaan selagi mana kedudukan kewangan Kerajaan mengalami defisit. Walau bagaimanapun, pembiayaan pembangunan ini penting kerana ia merupakan pelaburan awam (*public investment*) yang mempunyai kesan pengganda besar dan berimpak tinggi dalam memacu pertumbuhan ekonomi.

Sekiranya mengambilkira pendedahan Kerajaan kepada liabiliti lain, jumlah hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan pada akhir 2022 adalah sebanyak RM1.45 trilion atau 80.9% daripada KDNK. Jumlah ini meliputi hutang Kerajaan Persekutuan (RM1,079.6 bilion), komitmen jaminan (RM205.9 bilion), 1MDB (RM18.2 bilion) dan liabiliti lain (RM142.2 bilion).

Dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan terkawal dan terurus, beberapa langkah kawalan berikut perlu dipatuhi dalam usaha menyelesaikan peningkatan paras hutang. Antaranya:

- a) Meneruskan langkah konsolidasi fiskal secara beransur-ansur bagi memastikan pinjaman baharu adalah lebih rendah berbanding semasa pandemik tanpa menjejaskan pemulihan ekonomi negara;
- b) Memperluas asas hasil dan memastikan kutipan hasil yang mampan di mana perbelanjaan mengurus perlu dibiayai melalui hasil negara dan Kerajaan sentiasa mempunyai lebihan baki semasa serta dapat menampung sebahagian perbelanjaan pembangunan;
- c) Memastikan bayaran khidmat hutang (*debt service charges*) terkawal dan tidak melebihi 15% daripada hasil;
- d) Memastikan pinjaman Kerajaan adalah semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan yang ditumpukan kepada projek berimpak tinggi seterusnya memberi pulangan kepada negara dan rakyat dalam tempoh jangka masa panjang;
- e) Menyemak semula kaedah pelaksanaan projek secara off-budget yang membebankan. Projek-projek ini boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan di bawah DE.

Di samping itu, langkah kawalan dan pengurangan hutang serta konsolidasi fiskal perlu disokong dengan pelaksanaan strategi hasil jangka sederhana. Strategi ini meliputi penambahbaikan sistem percukaian sedia ada, memperluas asas hasil, meneroka potensi hasil daripada sektor tidak formal dan memberi fokus kepada insentif cukai

NO SOALAN: 23

yang lebih bersasar. Kesemua usaha dan langkah ini mampu memperkukuh kedudukan kewangan Kerajaan, membina semula ruang fiskal dan seterusnya mengurangkan hutang negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS
TARIKH : 30 MAC 2023

DATUK RAZALI BIN IDRIS minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap kepincangan penggunaan Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang mengakibatkan murid tidak minat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka dan prihatin dengan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid termasuk murid di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT). Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras dalam kurikulum kebangsaan di SJKC dan SJKT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM telah menetapkan bahawa semua murid di sekolah rendah termasuk SJKC dan SJKT perlu menguasai bahasa Melayu sebelum meneruskan pendidikan pada peringkat menengah. KPM telah mengambil langkah berikut agar tahap penggunaan serta penguasaan bahasa Melayu di SJKC dan SJKT dapat mencapai hasratnya iaitu:

- i. memperuntukkan masa minimum 160 jam setahun bagi murid tahap 1 dan masa minimum 128 jam setahun bagi murid tahap 2 di SJKC dan SJKT bagi mempelajari bahasa Melayu. Peruntukan masa minimum adalah berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 8/2016: Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (Semakan 2017) Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2017;
- ii. menyediakan buku kosa kata bertema dan bergambar sebagai bahan rujukan dan panduan khusus untuk kegunaan guru dan murid;

NO SOALAN: 24

- iii. membimbing guru SJKC melalui jalinan dan jaringan kolaboratif bersama-sama pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Majlis Bahasa Cina Malaysia;
- iv. memberi pendedahan kepada guru dengan pelbagai pendekatan pedagogi secara didik hibur; dan
- v. membekalkan pelbagai bahan bantu mengajar berbentuk digital dan interaktif kepada guru.

KPM komited untuk memastikan tahap penguasaan bahasa Melayu murid mencapai tahap yang dihasratkan selaras dengan matlamat bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan yang wajib difahami oleh semua pihak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HAJI
IBRAHIM
TARIKH : 30 MAC 2023

DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HAJI IBRAHIM minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo yang sebelum ini telah menghampiri 86 peratus siap tetapi Kontrak Pakej Kerja (WPC) masih mengalami kelewatan pekerja dan jentera.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bagi Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak, satu (1) pakej kerja iaitu pakej Telok Melano ke Sematan telah siap sepenuhnya pada bulan Januari 2019. Manakala status kemajuan pembinaan sehingga Januari 2023 bagi 10 pakej kerja dari Sematan ke Miri yang kini sedang giat dilaksanakan adalah 92% dan dijangka akan siap pada September 2023.

Berbanding dengan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak Fasa 1 yang telah dilaksanakan bermula pada tahun 2015, projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Fasa 1 telah mula dilaksanakan pada Julai 2016. Pelaksanaan projek Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km dibahagikan kepada 35 pakej kerja di mana sehingga kini, 15 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan dengan status kemajuan sehingga Januari 2023 bagi pakej kerja yang telah dimulakan adalah 74% dan akan siap pada awal 2025. Sehingga kini, pakej-pakej kerja berikut telah dibuka untuk pengguna jalan raya:

1) Pakej Kerja 5 : Donggongon ke Papar telah siap pada 29 Ogos 2022; dan

2) Pakej Kerja 27: Kampung Lot M ke Batu 32, Sandakan telah siap pada 18 November 2022.

NO SOALAN: 25

Manakala status satu (1) pakej kerja baharu iaitu Pakej Kerja 9 yang melibatkan laluan dari Serusop ke Pituru pula dijangka akan dilaksanakan seawal suku tahun kedua 2023, menjadikan keseluruhan 16 pakej kerja akan dilaksanakan buat masa kini, menggunakan peruntukan pembangunan (*Development Expenditure – DE*) sepenuhnya. Kerajaan komited bagi memastikan kelangsungan pelaksanaan Projek Lebuhraya

Pan Borneo ini. Sehubungan itu Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2 bilion setiap tahun, di mana RM1 bilion diperuntukkan masing-masing kepada projek LPB Sabah dan LPB Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH
BINTI MUSA
TARIKH : 30 MAC 2023

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang akan diambil untuk memperbaiki proses membenarkan kanak-kanak (yang dilahirkan di luar negara kepada wanita warganegara dan bapa lain kewarganegaraan) untuk menghadiri sekolah memandangkan komitmen pindaan Perlembagaan telah dibuat. Situasi kini didakwa telah melambatkan penyertaan mereka selama beberapa bulan setelah sekolah bermula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin akan keperluan menyediakan akses pendidikan kepada semua kanak-kanak di Malaysia, terutama bagi kanak-kanak berstatus warganegara dan tidak terkecuali kanak-kanak berstatus bukan warganegara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, penetapan penerimaan masuk murid ke sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan adalah jelas, iaitu berdasarkan Peraturan-Peraturan Pendidikan (PPP) (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 [P.U.(A) 275/1998]. Peraturan 4 PPP (Penerimaan Masuk Murid ke Sekolah, Penyimpanan Daftar dan Syarat bagi Pengekalan Murid Belajar di Sekolah) 1998 menetapkan syarat bagi kemasukan murid warganegara ke sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan manakala Peraturan 5 menetapkan kategori bukan warganegara yang diterima memasuki sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Penetapan ini turut terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 1 Tahun 2009: Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen Ke Sekolah bertarikh 11 Mac 2009.

NO SOALAN: 26

Pada masa ini KPM dalam proses menambah baik Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penerimaan Masuk Murid Ke Sekolah, Penyimpanan Daftar Dan Syarat Bagi Pengekalan Murid Belajar Di Sekolah) 1998 [P.U.(A) 275/1998] untuk meneliti semula kategori kanak-kanak bukan warganegara dan kanak-kanak warganegara tanpa dokumen yang dibenarkan masuk ke sekolah kerajaan dan sekolah bukan kerajaan. Proses penambahbaikan P.U.(A) 275/1998 merupakan suatu proses memerlukan pelibatan serta perbincangan dengan pelbagai Kementerian dan agensi. Semasa proses ini dijalankan, P.U.(A) 275/1998 dan SPI Bilangan 1/2009 masih berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 30 MAC 2023

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah dasar ekonomi baharu yang diperkenalkan oleh Kerajaan Persekutuan selepas Dasar Kemakmuran Wawasan Bersama 2030 dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 yang telah dilancarkan pada 5 Oktober 2019 merupakan hala tuju ekonomi negara bagi tempoh 10 tahun bermula 2021 sehingga 2030. WKB 2030 adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.

Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12) dengan objektif 'Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan' merangkumi separuh pertama pelaksanaan WKB 2030 yang mana strategi dan inisiatif RMKe-12 telah dijajarkan dengan WKB 2030.

Perubahan pentadbiran negara telah mewujudkan Kerajaan Perpaduan yang seterusnya memperkenalkan Malaysia MADANI. Aspirasi Malaysia MADANI akan memberi tumpuan kepada pembangunan masyarakat yang bertamadun, berkemahiran dan inklusif. Enam nilai teras telah diperkenalkan iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Secara amnya, konsep Malaysia MADANI merupakan anjakan dan perubahan yang holistik bagi menghidupkan semula, memperbaharui dan memberi tenaga semula (*revive, review and re-energise*) dengan izin, ke arah mencapai aspirasi negara berpendapatan tinggi dan masyarakat sejahtera.

Sebarang penggubalan dasar baharu perlu mengambil kira konsep Malaysia MADANI serta diselaraskan dengan beberapa dasar utama yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia, Bajet Tahunan dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Kerajaan kini sedang dalam proses penyediaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12). Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, semua strategi dan inisiatif yang digariskan dalam RMKe-12 akan disemak semula, diperhalusi dan ditambah baik.

Tuan Yang di-Pertua,

Aspirasi dan penjenamaan pentadbiran Kerajaan boleh berubah-ubah, tetapi perkara berkaitan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat akan sentiasa menjadi tumpuan utama. Sebarang pembangunan negara yang memberi manfaat kepada rakyat akan diteruskan. Tumpuan utama akan diberikan kepada pembangunan dalam bidang ekonomi, kewangan, perundangan, pendidikan, kemasyarakatan, kebudayaan, bandar dan luar bandar.

Kerajaan juga akan sentiasa mengambil kira elemen inklusiviti bagi meningkatkan taraf hidup rakyat, antaranya melalui tumpuan kepada pelaksanaan program ekonomi bagi meningkatkan pendapatan dan membantu menangani peningkatan kos sara hidup. Kuasa beli rakyat perlu ditingkatkan bagi merapatkan jurang sosioekonomi. Perkara ini penting bagi memastikan kesejahteraan dan pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN
CHE SALLEH
TARIKH : 30 MAC 2023

TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi mengawal harga tiket kapal terbang sewaktu musim perayaan. Adakah Kerajaan boleh menetapkan harga siling bagi perjalanan domestik. Sebagai contoh, harga tiket dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu mencecah harga hampir ribuan ringgit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Malaysia Madani, Kementerian Pengangkutan memandang serius akan keluhan dan rungutan rakyat mengenai harga tambang tiket penerbangan yang tinggi serta di luar kemampuan terutamanya semasa musim perayaan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, penetapan tambang penerbangan domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.

3. Kementerian Pengangkutan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) sentiasa memantau harga tiket penerbangan bagi semua laluan penerbangan domestik termasuk laluan-laluan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, khususnya bagi tempoh musim perayaan.

4. Dalam hubungan ini, pihak syarikat penerbangan ada melaksanakan inisiatif khas bagi menawarkan tiket penerbangan pada harga yang rendah. Sebagai contoh, AirAsia telah menyediakan 62 penerbangan tambahan (tambahan 11,400 tempat duduk) pada

tambang rendah tetap dari Kuala Lumpur dan Johor Bahru ke tujuh (7) destinasi, iaitu Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau di Sabah, serta Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri di Sarawak, dari 19 hingga 21 April 2023 dan 28 hingga 30 April 2023 sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri.

5. Manakala Malaysia Airlines Berhad pula menawarkan program khas untuk pelajar iaitu MHexplorer di mana para pelajar yang berdaftar dengan program tersebut layak menikmati diskaun sehingga 30% daripada harga tiket penerbangan, di samping manfaat lain seperti elaun bagasi tambahan sebanyak 10 kilogram dan tawaran khas untuk ahli keluarga serta rakan-rakan pelajar.

6. Berkenaan dengan penetapan harga siling, Kerajaan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) pernah membuat kajian mengenai penetapan harga siling bagi mengawal harga tiket penerbangan pada Ogos 2018. Kajian tersebut menunjukkan bahawa mekanisme harga siling akan memberi kesan yang negatif kepada pengguna dalam jangka panjang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN
TARIKH : 30 MAC 2023

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji pemberian subsidi berasaskan hasil (output) dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran padi negara di samping terus menjaga kepentingan dan kebajikan para pesawah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mempertingkatkan pengeluaran padi dan beras negara serta menampung keperluan pasaran domestik, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan subsidi dan insentif kepada industri padi dan beras negara yang meliputi subsidi input dan output pertanian. Bentuk bantuan subsidi input pertanian yang telah diberikan adalah meliputi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP), Skim Baja dan Racun Padi Bukit/Huma (SBRPB) dan Skim Insentif Benih Padi Sah (IBPS). Manakala, bantuan subsidi bagi output pertanian diberikan melalui Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) yang mana pesawah mendapatkan insentif apabila menjual hasil padi.

Dalam belanjawan 2023, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah memperuntuk sejumlah RM1.62 bilion bagi meneruskan kesemua program bantuan subsidi dan insentif bagi subsektor padi dan beras negara. Peruntukan yang diberikan ini bertujuan meningkatkan hasil pengeluaran padi dan beras negara serta meningkatkan taraf ekonomi para pesawah. Usaha ini dijangka akan memberikan manfaat kepada kira-kira 240,000 pesawah di seluruh negara melalui pengurangan kos pengeluaran padi yang ditanggung oleh pesawah sehingga 61%.

NO SOALAN: 29

Seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat, KPKM sememangnya sedang dalam peralihan ke arah orientasi subsidi dan insentif output secara beransur-ansur. Sebagai contoh, kadar pemberian subsidi output pertanian di bawah Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) telah dinaikkan daripada RM300 kepada RM360 bagi setiap tan metrik padi bersih mulai Januari 2019. Ianya bermatlamat untuk menggalakkan penghasilan pengeluaran padi di kalangan pesawah.

KPKM akan terus mengiatkan usaha untuk melaksanakan pendekatan peralihan ini bagi menggalakkan pesawah meningkatkan produktiviti pengeluaran padi. Namun demikian, dalam melaksanakan proses peralihan ini, Kerajaan masih perlu menyediakan bantuan subsidi dan insentif input pertanian kepada para pesawah. Ini kerana sebarang perubahan dasar secara drastik akan menjejaskan pendapatan pesawah secara langsung. Pemberian subsidi dan insentif bagi input dan output masih perlu diteruskan ketika ini bagi memastikan kelestarian pengeluaran padi dan beras negara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE
TARIKH : 30 MAC 2023

DATUK JOHN AMBROSE minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah hasil keputusan bedah siasat (post mortem) oleh pihak Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) berkaitan isu banjir besar yang melanda sepanjang tahun 2022.

JAWAPAN:

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, sepanjang Musim Monsun Timur Laut (MTL) 2022/2023, beberapa siri banjir telah melanda beberapa buah negeri berikutan luruan monsun yang membawa hujan lebat berterusan khususnya negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung dan baru-baru ini di negeri Johor.
2. Setakat hari ini, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah mengambil beberapa tindakan dalam memastikan pengurusan bencana ditambah baik susulan dari kejadian-kejadian lepas. Setiap dapatan yang diperolehi dari post-mortem atau *After Action Review* (AAR) akan dijadikan panduan dalam memperkemas pengurusan bencana agar setiap kejadian bencana banjir dapat ditangani dengan segera, efisien dan praktikal.
3. NADMA telah mengambil langkah proaktif untuk menambah baik dan memperkukuhkan kesiapsiagaan agensi-agensi bagi memastikan ia berada pada tahap optimum dalam mendepani bencana melalui pelbagai inisiatif, antaranya:
 - i. Pemantapan, perolehan dan penempatan semula aset-aset agensi berkaitan pengurusan bencana dan pembinaan kupayaan (*capacity building*) dalam kalangan *responder*,

NO SOALAN: 30

- ii. Program simulasi dan latihan bencana secara berkala yang melibatkan kerjasama semua agensi tindak balas, di samping *Community Based Disaster Risk Management* (CBDRM) yang melibatkan agensi-agensi pengurusan bencana di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah dengan komuniti tempatan termasuk badan bukan kerajaan (NGO) yang turut merangkumi bidang logistik bagi memastikan atur gerak dan koordinasi di antara agensi-agensi kerajaan dan sukarelawan dapat dijalankan secara teratur;
- iii. Mengadakan audit pemulihan dan penambahbaikan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- iv. Mengadakan post-mortem atau AAR persiapan dan tindak balas bersama agensi yang berkaitan untuk mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan serta pemantapan tahap kesiapsiagaan agensi-agensi bantuan bencana negara;
- v. Mengadakan sesi kursus pengurusan bencana untuk para Pegawai Daerah selaku pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah;
- vi. Merancang dasar-dasar baharu dan projek mitigasi bagi mengurangkan impak kejadian bencana yang diramal berlaku;

- vii. Memperkenalkan dasar-dasar baharu seperti penyaluran terus dana kepada agensi-agensi bantuan bencana melalui Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) bagi meningkatkan kesiapsiagaan melalui latihan menghadapi bencana dan pemuliharaan peralatan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kesiapsiagaan secara fizikal telah dilaksanakan secara berterusan oleh NADMA bersama agensi-agensi berkaitan dalam usaha memperkukuhkan dan menambah baik persediaan mereka menghadapi ancaman bencana. Berdasarkan beberapa siri simulasi dan latihan, NADMA berpandangan bahawa pengetahuan agensi-agensi berkaitan adalah pada tahap yang memuaskan namun agensi ini memerlukan latihan dan pendedahan secara berkala dan konsisten bagi memastikan kecekapan pengurusan bencana mengikut Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 20 dapat dipertingkatkan kepada tahap lebih baik.
5. Secara dasarnya, kesiapsiagaan negara adalah pada tahap yang optimum, namun ingin saya tekankan di sini bahawa NADMA tidak akan memandang enteng ancaman bencana dan akan terus berusaha bagi memastikan kesiapsiagaan kita adalah pada tahap terbaik pada setiap masa.
6. Kerajaan amat mengalu-alukan sebarang cadangan atau syor daripada semua pihak untuk peningkatan pengurusan bantuan bencana demi kebajikan dan kebaikan bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB RITA SARIMAH ANAK PATRICK
INSOL
TARIKH : 30 MAC 2023

SARIMAH ANAK PATRICK INSOL minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah masalah utama yang mengekang perpaduan di antara kaum di Malaysia dan apakah inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan pencetus kepada beberapa usaha serta komitmen Kerajaan dalam menangani isu perpaduan sehingga Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970.
2. Pada peringkat awal, langkah yang telah diambil berupa tindakan segera yang bertujuan untuk mengekalkan kestabilan politik, keselamatan dan keharmonian negara. Pelbagai langkah dan tindakan dibuat pada ketika itu untuk mewujudkan perpaduan rakyat antaranya menggalakkan interaksi sosial yang lebih tertumpu pada penyertaan masyarakat berbilang etnik dalam majlis dan perayaan yang dianjurkan.
3. Kepelbagaian dalam masyarakat di negara ini menjadi satu keunikan. Dalam masa yang sama kepelbagaian ini juga menjadi cabaran untuk diuruskan. Selagi ada perbezaan, sama ada dari segi agama, bahasa, adat dan budaya, selagi itulah ada cabaran yang perlu ditangani dengan penuh hemah.
4. Kerajaan sentiasa memantau isu-isu dan cabaran berkaitan perpaduan yang boleh mencetuskan ketegangan dan menggugat keharmonian masyarakat.

5. Usaha ini sebenarnya telah bermula sejak sekian lama, di mana penubuhan Jabatan Perpaduan Negara pada 1 Julai 1969 membuktikan bahawa Kerajaan benar-benar meletakkan elemen perpaduan ini sebagai agenda utama untuk diuruskan.
6. Pada tahun 2013, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara atau *National Unity Consultative Council* (NUCC) sebagai satu badan bebas untuk menasihati Kerajaan mengenai hal-ehwal perpaduan dan integrasi nasional.
7. Antara isu yang telah dikenal pasti boleh mengundang kepada perpecahan, pergeseran dan pertelingkahan antara kaum telah menyumbang kepada perasaan prasangka, tidak puas hati serta jurang hubungan yang melebar seperti berikut:

(i) Etnisiti

Kepelbagaian etnisiti di negara ini sering kali dianggap sebagai batasan utama yang menggugat perpaduan.

(ii) Agama

Kurangnya sensitiviti serta kefahaman berkenaan agama yang berbeza memberi kesan kepada hubungan dan interaksi dalam masyarakat.

(iii) Pendidikan

Kewujudan institusi sekolah pelbagai aliran di negara ini (seperti sekolah vernakular, sekolah agama dan sekolah antarabangsa) difahami sebagai kekangan kepada usaha pemupukan perpaduan rakyat.

(iv) Politik

Sistem politik federalisme di negara ini muncul sebagai isu dan cabaran yang cuba mengheret perpaduan apabila isu-isu etnik diperdebatkan dalam konteks hak masing-masing dalam Perlembagaan.

(v) Media

Media massa dan digital sekiranya disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab boleh menggugat kestabilan dan perpaduan. Oleh itu, komunikasi yang lebih berkesan serta penguatkuasaan undang-undang perlu diperkukuhkan bagi mengimbangi kesan negatif kepesatan teknologi media yang semakin mencabar ruang perpaduan masa kini.

8. Bagi mengatasi tersebut, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan **Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030** yang menjadi panduan dan halatuju agenda perpaduan nasional.
9. Bagi menterjemahkan dasar tersebut ke dalam bentuk pelaksanaan, **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** telah dihasilkan. Pelbagai program telah disusun dan dilaksanakan dengan melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.

10. Terkini, Kementerian perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menghasilkan **Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI** berkonsepkan **Perpaduan Dalam Kepelbagaian** yang selari dengan Dasar Perpaduan Negara bagi mencapai agenda membangun Malaysia MADANI. Usaha ini adalah inisiatif yang dilaksanakan bagi terus memperkukuhkan perpaduan antara kaum.
11. **Melalui Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI**, *flagship* program yang diperkenalkan adalah **Kembara Perpaduan Malaysia MADANI** yang **akan diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara** dimana tiga (3) kluster program akan dilaksanakan iaitu:

i. Semarak Kenegaraan

- bagi meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan tentang Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Rukun Negara serta sejarah ketamadunan negara bagi mengukuhkan jati diri dan semangat cintakan negara dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Empat (4) kumpulan sasaran adalah umum, mahasiswa, pelajar sekolah dan komuniti. Program pengisian adalah seperti Dailog anak muda, Apresiasi dan pemeran Mini Rukun Negara, cross culture sharing session, bicara pemikiran Tokoh Negarawan, dan lain-lain.

ii. Semarak Perpaduan

- bagi menyemarakkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum, agama dan budaya bersesuaian dengan konsep perpaduan dalam kepelbagaian ke arah merealisasikan aspirasi Malaysia Madani. Program-program adalah untuk memupuk keharmonian masyarakat melalui detik-detik perpaduan (*moment of unity*) seperti Sambutan Minggu Perpaduan, Galeri Uniti, Uniti walk/run/cycling, liga sukan perpaduan, Uniti Keamatan-Gawai, dan lain-lain.

iii. Komuniti Rahmah

- untuk membina komuniti yang mampan dan rahmah khususnya dalam KRT yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan dengan saling menghormati, mengasihi dan menghargai melalui kerjasama semua pihak kementrian, agensi Kerajaan, swasta, NGO dan komuniti. Antara program adalah seperti Bakul Rahmah, Ziarah Rahmah, projek ekonomi KRT, Prog Mesra Jiran, dan lain-lain.

12. Dengan penghasilan Kerangka Perpaduan Malaysia MADANI ini, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' AJIS BINT SITIN
TARIKH : 30 MAC 2023**

DATO' AJIS BIN SITIN minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha-usaha yang diambil dalam jangka pendek dan juga untuk jangka panjang bagi memperkasakan graduan-graduan dari kalangan anak-anak Orang Asli supaya mereka dapat diambil berkhidmat di sektor awam ataupun sektor swasta sesuai dengan usaha gigih mereka hingga lulus dari institusi pengajian tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dalam melaksanakan program-program dan inisiatif-inisiatif bagi memperkasakan graduan-graduan dari kalangan anak-anak Orang Asli hingga menjawat pekerjaan samada di sektor awam dan swasta setelah tamat pengajian dari institusi pengajian tinggi. Antara program yang dilaksanakan ialah mengadakan program bersasar dan gerak gempur melalui Ibu Pejabat, negeri dan daerah iaitu *outreach* kerjaya/kemahiran yang melibatkan enam (6) buah negeri dan satu (1) di Ibu Pejabat JAKOA pada tahun 2022.

Selain itu, JAKOA juga menyediakan peluang pendidikan dan Latihan Kemahiran Kerjaya melalui platform Program Karnival Belia Orang Asli Rentas Desa Sejahtera (KBOARDS). Program ini julung kali dianjurkan pada tahun 2022 dan telah selesai dilaksanakan pada 28 Februari 2023 yang lalu bagi tahun 2023 memandangkan sambutan yang luar biasa dan amat menggalakkan dari masyarakat Orang Asli seluruh negara. Melalui program ini, JAKOA melibatkan pelbagai Institusi Pendidikan seluruh negara dan pemain industri dengan menyediakan peluang untuk sambung belajar dari sijil ke IPT dan Latihan Kemahiran dan Kerjaya dengan terus mengadakan sesi temuduga di tapak program bagi penempatan pekerjaan dan juga kemahiran TVET.

NO SOALAN: 32

JAKOA juga turut bekerjasama dengan pemain industri seperti PERKESO dalam memberi latihan dan kerjaya melalui kaedah penempatan pekerjaan (*Job Placement -Training and Placing* atau *Place and Train*) di semua sektor industri yang berdaftar dengan PERKESO. Pengambilan dari lepasan sekolah menengah hingga ke lepasan IPT di seluruh negara. Pakej di bawah PERKESO ini juga merangkumi skim insurans dan perlindungan kecederaan di tempat kerja dan ia juga termasuk Orang Asli yang bekerja sendiri dan mencarum dengan PERKESO. Selain itu, JAKOA juga turut bekerjasama dengan Politeknik, *German Malaysian Institute (GMI)*, *East Coast Economic Region (ECER)*, AEON dan Speedmart.

JAKOA juga turut bekerjasama dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dengan mengadakan Hari Mengisi Borang SPA pada setiap 25hb setiap bulan bagi membantu graduan dan belia Orang Asli mendapat peluang pekerjaan dalam sektor awam.

Pada tahun 2022, penempatan pekerjaan (*job placement*) bagi belia Orang Asli ialah seramai 1,000 orang, manakala bagi kemasukan pelajar Orang Asli ke Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) ialah seramai 370 orang dan bagi pelajar ke Institut Pengajian Tinggi ialah seramai 330 orang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN
YUSOFF
TARIKH : 30 MAC 2023

DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah jaminan Kerajaan agar tidak berlaku impak terhadap pengguna di atas surcaj tenaga elektrik yang tinggi kepada loji-loji rawatan air akibat daripada Pelaksanaan Mekanisma Pelepasan Kos-Kos Tidak Seimbang (*Imbalance Cost Past-Through (ICPT)*).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat Senator.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pelarasan tarif elektrik di Semenanjung Malaysia, Kulim High Technology Park dan Sabah serta Wilayah Persekutuan Labuan adalah menggunakan mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT). Melalui kaedah ini, kos sebenar bahan api dan penjanaan lain bagi tempoh enam bulan ke belakang akan diselaraskan dalam bentuk surcaj sekiranya berlaku kenaikan harga bahan api atau rebat jika berlakunya penurunan harga berbanding unjuran yang ditetapkan.

2. Dalam hal ini, kenaikan kos sebenar bahan api bagi tempoh Julai hingga Disember 2022 untuk Semenanjung adalah sebanyak RM16.16 bilion. Berdasarkan mekanisme ICPT yang berkuat kuasa, semua pengguna elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Semenanjung sepatutnya dikenakan surcaj 27 sen/kWj terhadap bil elektrik masing-masing bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023. Namun begitu, Kerajaan telah bersetuju supaya pengguna bukan domestik dalam kategori voltan sederhana (*Medium Voltage – MV*) dan voltan tinggi (*High Voltage – HV*) termasuk loji-loji rawatan air dikenakan surcaj pada kadar 20 sen/kWj. Ini bermakna, pengguna bukan domestik dalam kategori MV dan HV menikmati subsidi 7 sen/kWj bersamaan RM1.93 bilion daripada keseluruhan subsidi RM10.76 bilion yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi tempoh Januari hingga Jun 2023.

3. Pelepasan surcaj ICPT yang tinggi ini tidak dapat dielakkan kerana berlakunya peningkatan mendadak kos bahan api di pasaran global. Sepanjang bulan Julai hingga Disember 2022, harga arang batu telah meningkat sebanyak 151% bersamaan RM8.65 bilion, manakala harga gas asli juga telah meningkat sebanyak 105% atau bersamaan dengan RM3.26 bilion berbanding unjuran yang ditetapkan dalam tempoh kawal selia ketiga atau *Regulatory Period* (RP) 3. Impak krisis tenaga global yang antaranya disebabkan oleh kenaikan harga bahan api dunia bukan sahaja dihadapi oleh Malaysia, tetapi juga di seluruh dunia.

4. Oleh yang demikian, Kerajaan telah membuat keputusan yang sewajarnya untuk melepaskan sebahagian kos surcaj ICPT kepada pengguna MV dan HV termasuk loji-loji rawatan air bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2023. Namun begitu, Kementerian sedia maklum akan isu-isu yang dihadapi serta implikasi surcaj elektrik terhadap operator-operator air ini. Semua perkara ini akan diperhalusi secara dalaman memandangkan Sektor Air dan Sektor Tenaga kini telah digabungkan di bawah satu kementerian yang sama iaitu Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian sedang mengkaji dan mempertimbangkan cadangan pelarasan tarif elektrik secara bersasar di bawah mekanisme ICPT bagi tempoh Julai hingga Disember 2023 dan ini termasuklah pelepasan kadar surcaj yang sesuai kepada semua pengguna elektrik di Semenanjung termasuk loji-loji rawatan air.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN
MOHAMAD**
TARIKH : **30 MAC 2023**

TUAN SR. HAJI MOHD APANDI BIN MOHAMAD minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menawarkan jawatan berstatus pegawai perubatan tetap kepada graduan bidang perubatan yang masih berstatus kontrak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pertimbangan bagi pelantikan tetap pegawai lantikan kontrak adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan tetap, lulus temuduga dan memenuhi syarat pelantikan ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) selaku Pihak Berkuasa Melantik (PBM).
2. Proses penilaian bagi tujuan pelantikan tetap dilaksanakan secara objektif, adil dan telus. Penilaian dibuat berdasarkan prestasi tahunan dan penilaian semasa temuduga menerusi tatacara pengambilan SPA. Pegawai juga akan dinilai daripada aspek nilai, integriti dan keupayaan untuk bekerja secara berpasukan dan profesional untuk dilantik sebagai penjawat awam.
3. Pada tahun 2022, seramai 4,255 Pegawai Perubatan lantikan kontrak telah menerima pelantikan tetap di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Manakala pada tahun ini, sebanyak 4,263 kekosongan jawatan tetap Pegawai Perubatan di KKM ditawarkan kepada Pegawai Perubatan lantikan kontrak yang memenuhi syarat ditetapkan. Proses pelantikan tetap Pegawai Perubatan lantikan kontrak ini dijangka selesai pada Julai 2023.
4. Bagi Pegawai Perubatan lantikan kontrak yang tidak berjaya dalam urusan pelantikan tetap oleh pihak berkuasa melantik, pegawai masih boleh meneruskan tempoh perkhidmatan kontrak sedia ada di KKM dan akan diberikan pelanjutan tempoh kontrak sehingga empat (4) tahun sekiranya ditawarkan untuk mengikuti Program Latihan Kepakaran (PLK). Dalam tempoh kontrak ini juga, pegawai dari

NO SOALAN: 34

semasa ke semasa boleh memohon ke jawatan tetap berdasarkan kepada kekosongan jawatan sedia dan jawatan baharu sebanyak 1,500 jawatan yang akan diperolehi kelak selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Januari 2022 bagi memenuhi keperluan fasiliti baharu yang siap dibina atau dinaik taraf.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH
BINTI MUSA
TARIKH : 30 MAC 2023

DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah mekanisme atau keperluan perundangan yang diletakkan ke atas platform e-commerce seperti Lazada, Shopee dan sebagainya untuk memastikan tiada barangan palsu dijual oleh peniaga terutamanya produk perubatan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Platform *e-commerce* seperti Lazada, Shopee dan sebagainya perlu mematuhi perundangan di bawah Akta Cap Dagangan 2019 yang mana penjualan barangan yang disyaki menggunakan cap dagangan tiruan menjadi satu kesalahan dan boleh diambil tindakan oleh Kementerian termasuklah produk perubatan.

Terdapat beberapa langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menangani penjualan barangan tiruan secara atas talian. Antara pendekatan yang diambil oleh pihak Kementerian adalah:

- (a) Bekerjasama dengan pemilik cap dagang berdaftar dalam menjalankan perisikan dan pemeriksaan ke atas perniagaan yang menjual barang tiruan secara fizikal atau dalam talian (*online*) berdasarkan aduan daripada pemilik cap dagang berdaftar atau orang awam;
- (b) Pengesahan pelanggaran cap dagangan perlu dilakukan oleh pemilik atau wakil pemilik cap dagangan dan membekalkan pautan penjualan barangan di pasar dalam talian yang terlibat kepada KPDN. KPDN akan menghantar notis penurunan kandungan kepada pihak pasar dalam talian setelah semakan dan pengesahan dibuat;

NO SOALAN: 35

- (c) Bekerjasama dengan pemilik cap dagang berdaftar bagi pemantauan atas talian ke atas laman sesawang dan media sosial yang bermotifkan perniagaan yang disyaki barangan tiruan berdasarkan aduan daripada pemilik cap dagang berdaftar atau orang awam;
- (d) Bekerjasama dengan pihak pentadbir tapak pasar dalam talian (*online marketplace operator*) supaya mengambil tindakan dalam menurunkan iklan (*content removal*) yang dikenalpasti dan disyaki oleh pemilik cap dagangan berdaftar atau pengadu;
- (e) Bekerjasama dengan Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia (SKMM) untuk menutup laman sesawang yang melanggar undang-undang dengan menggunakan kuasa di bawah peruntukan Seksyen 263 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998; dan
- (f) Mewujudkan Pasukan Petugas Khas Perlindungan Harta Intelek (PPKHI) melalui penglibatan pelbagai agensi penguat kuasa berasaskan bidang kuasa undang-undang masing-masing seperti Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak industri termasuklah pentadbir tapak pasar dalam talian bagi menyelaras tindakan penguatkuasaan dan merangka tindakan bersepadu.

NO SOALAN: 35

Tindakan penguatkuasaan berkaitan barang tiruan di bawah Akta Cap Dagangan 2019 memerlukan aduan awal dan pembuktian yang sah dari pemilik atau wakil pemilik cap dagangan berdaftar terhadap barang-barang yang dikenalpasti serta disyaki dijual menggunakan cap dagangannya yang dipakaikan dengan salah di platform dalam talian atau fizikal

Disamping itu juga, pemilik tapak pasar dalam talian atau *e-commerce* seperti Lazada dan Shopee juga telah mengambil pendekatan dalam usaha perlindungan harta intelek dengan mewujudkan platform khas aduan terus oleh pemilik atau wakil cap dagangan berdaftar yang mendapati cap dagangan mereka telah disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dalam platform tersebut dalam pelbagai kategori produk termasuklah produk perubatan dan kesihatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI
TARIKH : 30 MAC 2023

DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah tiada seorang pun wakil daripada masyarakat India (Tamil) dalam mewakili pendapat, pandangan, keperluan dan permintaan pendidikan dan sekolah Tamil dalam Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan bagi sesi 2023 – 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) ditubuhkan berdasarkan peruntukan di bawah Bahagian III, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]. MPPK menjalankan fungsinya apabila Menteri Pendidikan merujuk apa-apa perkara berhubung dengan pendidikan kepada MPPK untuk mendapatkan nasihatnya. MPPK akan menimbang perkara yang dirujuk dan mengemukakan nasihat mereka kepada Menteri Pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, anggota MPPK yang dilantik terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam perkara yang berhubung dengan pendidikan. Pelantikan keanggotaan MPPK adalah merentasi sempadan agama, kaum, jantina, disiplin ilmu dan lokasi geografi selain tidak berdasarkan kepada perjuangan agenda persendirian atau kumpulan tertentu. Bilangan keanggotaan MPPK adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pendidikan (Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan) 2012.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, penambahan anggota MPPK adalah bergantung kepada keperluan dari semasa ke semasa dan MPPK boleh mengundang mana-mana orang perseorangan atau wakil mana-mana organisasi untuk menghadiri mesyuarat MPPK sekiranya perlu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN
TARIKH : 30 MAC 2023

DATUK BOBBEY BIN SUAN minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan selain daripada model Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang dipelajari dari negara Jerman, apakah model-model lain yang dapat meningkatkan lagi penglibatan anak muda dalam sektor TVET dan latihan dalam industri.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara umumnya, pendekatan pendidikan ***Outcome-based Education (OBE)*** digunakan oleh institusi pengajian tinggi awam, swasta, politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
2. OBE memberi penekanan kepada kemenjadian seorang pelajar mencapai hasil pembelajaran (*learning outcome*) yang dihasratkan di akhir pengajian iaitu di peringkat kursus (mikro) dan program pengajian (makro).
3. Bagi memastikan graduan program pengajian TVET di politeknik dan kolej komuniti menguasai kemahiran teknikal (*specialist*) serta generik (*generalist*), Kementerian melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menggunakan pendekatan pendidikan kejuruteraan ***Conceive-Design-Implement-Operate (CDIO)*** yang diasaskan pada tahun 1990an oleh *Massachusetts Institute of Technology* (MIT) dari Amerika Syarikat bersama tiga institusi pendidikan tinggi Eropah iaitu *Chalmers University of Technology*, *Linkoping University* dan *The Royal institute of Technology*.

4. Pendekatan CDIO diasaskan bagi memenuhi tuntutan kedua-dua kelompok ahli akademik serta industri kejuruteraan yang menitikberatkan graduan yang menguasai kemahiran kejuruteraan dan juga mempunyai kemahiran CDIO (kemahiran personal, interpersonal, dan kemahiran pembinaan, produk, proses dan sistem).
5. Objektif pelaksanaan CDIO *Integrated Curriculum* adalah seperti berikut:
 - i. Mengintegrasikan kursus-kursus bagi mengoptimumkan hasil pembelajaran.
 - ii. Menggalakkan pelajar dan pensyarah untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran mereka dalam membantu menyelesaikan masalah industri/komuniti.
6. Pendekatan model CDIO telah diperkasa melalui pelaksanaan *CDIO Integrated Curriculum*. Pendekatan penggabungjalinan bidang atau disiplin dengan kemahiran CDIO ini terdiri daripada kemahiran personal, interpersonal dan kemahiran pembinaan, produk, proses dan sistem dan kebiasaannya beroutputkan projek.
7. Selain itu, program pengajian di politeknik dan kolej komuniti mengunakan pendekatan yang **berkonsepkan *duality*** iaitu pengalaman pembelajaran yang melibatkan dua (2) komponen;
 - i. komponen pembelajaran di institusi; dan
 - ii. komponen pembelajaran di industri.

NO SOALAN: 37

8. Pelaksanaan konsep *duality* ini dibuat secara mengikut turutan (***sequential***) yang mana pembelajaran yang bermula di politeknik/ kolej komuniti dan diakhiri dengan proses pembelajaran di industri.
9. Melalui, konsep ini, para pelajar mendapat pengalaman sebenar di industri dan secara tidak langsung menepati kemahiran yang diperlukan oleh industri terhadap para graduan sebelum memasuki alam pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN
TARIKH : 30 MAC 2023

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan guru pra-sekolah yang tidak mempunyai sekurang-kurangnya Diploma dan apakah tindakan Kerajaan bagi memastikan guru-guru tersebut memperolehi kelulusan minima tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyasarkan semua guru yang mengajar di kelas prasekolah mempunyai kelayakan minimum sekurang-kurangnya diploma selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 April 2016 telah bersetuju supaya KPM memberi keutamaan kepada guru prasekolah yang mempunyai kelayakan akademik pada tahap Diploma dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAKK).

Selaras dengan hasrat ini, kenyataan media bertarikh 24 Ogos 2016 telah dikeluarkan oleh KPM bagi memaklumkan kepada semua agensi pelaksana pendidikan prasekolah bahawa pengambilan guru baharu prasekolah perlu memenuhi syarat yang telah ditetapkan dengan mempunyai sekurang-kurangnya DPAKK mulai tahun 2017.

Pada masa ini, 92.75 peratus guru prasekolah bawah KPM mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak (DPAKK), manakala 18 peratus guru prasekolah swasta mempunyai kelayakan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, dalam usaha untuk memastikan guru prasekolah khususnya bawah KPM mempunyai kelayakan minimum DPAKK, KPM telah melaksanakan Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) untuk guru bukan opsyen yang mengajar di kelas prasekolah. Melalui inisiatif ini, guru yang telah

NO SOALAN: 38

mengajar kelas prasekolah melebihi tiga tahun diberi peluang dan ruang untuk menambah opsyen masing-masing tanpa mengubah opsyen asal. PITO berfokuskan kepada kandungan dan kemahiran berkaitan pendidikan awal kanak-kanak. Program ini ditawarkan di kampus terpilih Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh negara.

Manakala, bagi memastikan lebih ramai guru di tadika swasta mempunyai kelayakan akademik minimum tersebut, KPM telah menawarkan Program Diploma Pendidikan (PDP) Prasekolah di Institut Pendidikan Guru Malaysia di seluruh negara kepada guru tadika swasta yang sedang berkhidmat. Kursus selama dua tahun ini dilaksanakan secara pembelajaran teradun (*blended learning*) bagi memastikan perkhidmatan guru tersebut tidak terjejas sepanjang mengikut program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN
SAMY VELLU
TARIKH : 30 MAC 2023

DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan secara terperinci jumlah dan jenis latihan serta peningkatan kemahiran yang telah dilaksanakan mengikut tahun bermula dari tahun 2021 sehingga 2022 dan adakah peserta latihan terbabit telah menerima manfaat, terutamanya dalam bentuk peluang pekerjaan dan kenaikan gaji selepas menghadiri latihan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bertanggungjawab untuk mendorong aspirasi pekerja berkemahiran melalui pungutan levi daripada majikan dan pembiayaan program latihan serta pembangunan untuk tenaga kerja Malaysia. Peranan PSMB turut merangkumi peluang pekerjaan dan latihan industri, bimbingan serta kaunseling kerjaya. Di samping itu, PSMB turut mengembangkan peluang menjana pendapatan bagi rakyat Malaysia dari pelbagai kemahiran, latar belakang dan kemampuan.

2. Melalui Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 (Akta PSMB 2001), PSMB mengutip levi daripada majikan-majikan yang berkecukupan tertakluk di bawah Akta bagi menggalakkan latihan dan pembangunan pekerja tempatan, perantis dan pelatih. Levi berperanan sebagai insentif latihan kepada majikan dan majikan boleh menghantar pekerja tempatan mengikuti pelbagai aktiviti latihan melalui PSMB. Setakat Disember 2022, sebanyak 81,706 majikan dan seramai 4.38 juta pekerja telah berdaftar serta mendapat akses kepada latihan. PSMB telah meluluskan sebanyak 1.4 juta bilangan tempat latihan yang melibatkan latihan peningkatan kemahiran dan latihan semula kemahiran.

3. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui PSMB juga terlibat secara langsung dalam pelaksanaan pelan-pelan Kerajaan ke arah pemulihan semula ekonomi Malaysia disebabkan oleh pandemik COVID-19 pada tahun 2021 – 2022

melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) serta Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

4. Pelaksanaan Inisiatif PENJANA HRD Corp dengan objektif untuk menyokong agenda Kerajaan di dalam memulihkan semula ekonomi Negara, mengurangkan kadar pengangguran dan memperkasa aktiviti latihan peningkatan kemahiran disebabkan oleh COVID-19. Di bawah PENJANA HRD Corp, sebanyak lima (5) skim telah diperkenalkan melalui inisiatif ini yang terdiri daripada Place & Train, B40 Development, SME Development, Industrial Revolution 4.0 dan Gerak Insan Gemilang (GIG). Skim-skim ini diwujudkan dengan tujuan untuk membantu Rakyat dalam mendapat penempatan pekerjaan, *self-employed* serta menambah dan meningkatkan kemahiran mereka. Berdasarkan statistik terkini, seramai 85,527 pelatih telah menerima manfaat dengan mendapat penempatan pekerjaan dan peluang menjana pendapatan sendiri.

5. Bagi meneruskan kesinambungan dalam agenda pemulihan ekonomi pasca pandemik COVID-19 pada tahun 2021 - 2022, selaras dengan pengumuman inisiatif PEMULIH, Kementerian Sumber Manusia menerusi PSMB meneruskan pelaksanaan inisiatif yang memfokuskan kepada *Place and Train* dan Penjana Pendapatan. Inisiatif ini dilaksanakan melalui pemberian latihan peningkatan kemahiran atau latihan semula kemahiran kepada individu sebelum mereka mendapat pekerjaan seterusnya menjana pendapatan. Inisiatif ini telah memanfaatkan seramai 25,062 pelatih di mana mereka telah mendapat penempatan pekerjaan seurus tamat latihan dan menjana pendapatan sendiri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER
TARIKH : 30 MAC 2023

DATO' SRI TI LIAN KER minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian telah melaksanakan tinjauan terhadap keadaan jalan-jalan persekutuan di Kuantan, Pahang dan apakah perancangan serta kesediaan pihak Kementerian untuk membaik pulih jalan-jalan persekutuan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, **Kementerian Kerja Raya bersama pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) sentiasa memandang serius terhadap aduan-aduan berkaitan kerosakan jalan.** Oleh yang demikian, **jalan-jalan yang rosak akan dikenal pasti oleh pihak syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan yang dilantik dan pihak JKR akan menyediakan Anggaran Penyenggaraan Jalan (APJ) berdasarkan kerosakan jalan.** Walau bagaimanapun, kelulusan kerja tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan jalan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, **jumlah panjang Jalan Persekutuan di Daerah Kuantan adalah sepanjang 533.78 km** yang disenggara oleh syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan. Pada **tahun 2021 hingga 2022, Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM56.33 juta** di bawah program penyenggaraan rutin, penyenggaraan berkala pavemen dan berkala bukan pavemen yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi melalui **Arahan Kerja (AK) di setiap laluan dalam daerah Kuantan.** Kerja - kerja penyenggaraan tersebut **melibatkan 27 bilangan kerja berkala pavemen dan 44 bilangan kerja bukan pavemen dan semua kerja telah disiapkan sepenuhnya pada tahun semasa.**

Manakala, untuk tahun 2023 sehingga Mac 2023 Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM7.6 juta bagi melaksanakan kerja-kerja di bawah program berkala pavemen yang melibatkan 5 bilangan kerja dan berkala bukan pavemen melibatkan 2 bilangan kerja. Kerja-kerja ini dilaksanakan secara Arahan Kerja (AK) dan dijangka siap pada Oktober 2023. Kementerian ini juga telah mengenal pasti dan merancang 50 bilangan kerja berkala pavemen yang bernilai RM56.33 juta dan 30 bilangan kerja berkala bukan pavemen bernilai RM6.11 juta. Kerja – kerja ini akan dilaksanakan secara Arahan Kerja (AK) kepada syarikat konsesi namun tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan jalan bagi keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, pihak syarikat konsesi yang dilantik bertanggungjawab melaksanakan kerja penyenggaraan rutin iaitu skop kerja penyenggaraan pavemen, penyenggaraan bahu jalan, potong rumput, perabot jalan, mencuci jambatan dan pembedung, mencuci longkang serta pemeriksaan rutin. Syarikat konsesi juga bertanggungjawab melaksanakan kerja penyenggaraan berkala pavemen dan bukan pavemen yang dilaksanakan secara Arahan Kerja (AK) berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Pihak syarikat turut dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja kecemasan dengan membuat tindakan segera jika berlaku kejadian yang di luar jangka. Sebagai contoh, kerja membersihkan jalan setelah kejadian tanah runtuh, menyediakan pelan pengurusan trafik atau *Traffic Management Plan* (TMP) dan menyediakan laluan sementara bagi membolehkan jalan dilalui oleh kenderaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Agensi Pusat juga telah meluluskan cadangan projek **Pembinaan Persimpangan Bertingkat Panching, Jalan Kuala Lumpur – Kuantan (FT02), Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur** pada Rolling Plan 3 (RP3), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Pada masa kini, Kementerian Kerja Raya sedang melaksanakan dua (2) buah projek jalan persekutuan di Kuantan, Pahang dalam peringkat pembinaan seperti berikut:

1) Projek Pembinaan Sebuah Jambatan Baru Merentasi Sungai Kuantan Bagi Menghubungkan Bandar Kuantan ke Bandar Putra, Tanjung Lumpur - Membina Flyover dari Persimpangan Bukit Setongkol ke Kemunting, Jalan Kuantan - Gambang, Pahang yang mula dibina pada 15 Ogos 2016 dan dijangka siap pada 8 Mei 2023.

Kemajuan terkini sehingga 28 Februari 2023 adalah sebanyak 93.79% sebenar berbanding 96.23% jadual.

2) Projek Menaiktaraf Jalan FR03, Dari Persimpangan Jabor - Jerangau ke Persimpangan Sg. Ular, Kuantan (Pakej 2) telah milik tapak pada 9 November 2021 dan dijadualkan siap pada 8 Mac 2025. Sehingga 28 Februari 2023, kemajuan projek ini adalah sebanyak 8.44% sebenar berbanding 8.38% jadual.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG
TARIKH : 30 MAC 2023

DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG minta **PERDANA MENTERI** menyatakan masalah keganasan rumah tangga semakin berleluasa baru-baru ini. Apakah khidmat bantuan guaman yang disediakan oleh Kementerian bagi membantu keluarga yang bermasalah.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Bantuan Guaman (JBG) adalah satu-satunya Jabatan Kerajaan yang diberi tanggungjawab melaksanakan perkhidmatan bantuan guaman. JBG melaksanakan fungsinya melalui peruntukan undang-undang di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] seperti yang berikut:

- (a) Khidmat Nasihat Guaman dalam semua perkara undang-undang Malaysia;
- (b) Khidmat Bantuan Guaman dalam litigasi Sivil dan Syariah di Mahkamah;
- (c) Khidmat Pengantaraan; dan
- (d) Khidmat Pendamping Guaman kepada kanak-kanak mangsa jenayah seksual.

2. Individu yang menghadapi masalah keganasan rumah tangga boleh hadir ke mana-mana cawangan JBG di seluruh negara bagi mendapatkan khidmat nasihat guaman berhubung masalah tersebut. Pegawai JBG boleh memberikan nasihat guaman mengenai hak-hak mangsa keganasan rumahtangga, tindakan yang boleh di ambil di bawah undang-undang serta jabatan/agensi Kerajaan yang boleh dirujuk dan membantu.

3. Sekiranya masalah keganasan rumah tangga tersebut berkesudahan dengan pepecahan kepada rumahtangga berkenaan, JBG boleh mewakili mangsa keganasan rumahtangga tersebut dalam prosiding perceraian di Mahkamah Sivil dan Syariah tertakluk kepada had kelayakan melalui ujian kemampuan yang dijalankan oleh JBG.

4. Bagi tujuan agar masyarakat mempunyai kesedaran undang-undang dan menyebarkan perkhidmatan yang diberikan oleh JBG, JBG juga giat melaksanakan Program Klinik Guaman dan Kesedaran Masyarakat di seluruh negara kepada semua golongan masyarakat. Antara Program yang dilaksanakan adalah-

- (a) Klinik Guaman di luar pejabat cawangan-cawangan JBG dan di pusat khidmat setempat; dan
- (b) Literasi undang-undang seperti ceramah, forum di jabatan/agensi Kerajaan, badan berkanun, IPTA dan lain-lain serta hebahan dan penerangan undang-undang melalui media massa/sosial.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 30 MAC 2023

DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha dan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKDPN) dalam menyelesaikan isu kos yuran tadika dan taska swasta yang terlampau tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin dengan isu kos yuran tadika swasta yang tinggi yang telah menjadi beban kepada ibu bapa yang menghantar anak-anak ke tadika swasta untuk mendapatkan pendidikan prasekolah.

Kadar yuran tadika swasta yang tinggi adalah disebabkan oleh kos pengoperasian sesebuah tadika swasta yang meliputi beberapa perkara seperti sewaan premis, bil utiliti dan pembayaran gaji guru yang perlu mematuhi ketetapan gaji minimum.

KPM telah melaksanakan inisiatif bantuan yuran murid untuk membantu mengurangkan beban kos yuran tadika swasta terhadap ibu bapa. Bantuan secara bersasar ini telah dilaksanakan sejak tahun 2010 dan masih diteruskan sehingga tahun ini.

NO SOALAN: 42

Bagi tahun 2010 hingga 2012, bantuan yuran telah diberikan kepada murid daripada keluarga dengan pendapatan isi rumah di bawah RM1,300 sebulan. Bantuan yuran yang disediakan adalah tidak melebihi RM150 sebulan atau kadar yuran sebenar yang dikenakan oleh tadika swasta mengikut yang mana lebih rendah. Bayaran dibayar untuk tempoh 10 bulan. Jumlah murid yang menerima bantuan dan jumlah peruntukan dalam tempoh 2010 hingga 2012 adalah seperti berikut :

Tahun	Bilangan Murid	Jumlah Peruntukan
2010	23,282 orang	RM11 juta
2011	14,122 orang	RM11 juta
2012	13,985 orang	RM11.5 juta

Manakala bagi tahun 2013 hingga 2015, bantuan yuran telah diperluaskan juga kepada murid-murid berkeperluan khas di pusat pendidikan khas. Kaedah pelaksanaan bantuan yuran adalah berdasarkan *sliding scale* pendapatan perkapita seperti yang dtelah diputuskan dalam Makmal Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0. Jumlah bantuan yang diberikan adalah mengikut kelayakan masing-masing dan kadar yuran sebenar atau maksimum RM150 sebulan yang mana lebih rendah bagi tempoh 10 bulan. Jumlah murid yang menerima bantuan dan jumlah peruntukan dalam tempoh 2010 hingga 2012 adalah seperti berikut :

Tahun	Bilangan Murid	Jumlah Peruntukan
2013	34,552 orang	RM29.3 juta
2014	41,109 orang	RM36.7 juta
2015	32,772 orang	RM30.7 juta

NO SOALAN: 42

Bagi tahun 2016 hingga 2018, kaedah bayaran bantuan ditetapkan kepada satu jumlah yang sama kepada semua murid yang layak tertakluk kepada peruntukan yang diturunkan oleh Kementerian Kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Syarat kelayakan masih lagi dikekalkan seperti yang dilaksanakan pada tempoh 2013 hingga 2015. Jumlah murid yang menerima bantuan dan jumlah peruntukan dalam tempoh 2016 hingga 2018 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Murid	Jumlah Peruntukan	Kadar bayaran sebulan bagi setiap murid
2016	35,576 orang	RM18 juta	RM505.95
2017	32,377 orang	RM15 juta	RM463.29

Pelaksanaan bagi tahun 2019 adalah berfokus kepada murid daripada isi rumah B40. Permohonan yang diterima telah disemak silang dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri bagi data peserta e-kasih dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi pengesahan pendapatan dan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH). Berdasarkan semakan yang telah dibuat, seramai 10,000 murid yang layak telah diberikan bantuan sebanyak RM150 sebulan untuk tempoh 10 bulan yang melibatkan peruntukan sebanyak RM15 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM tidak menerima peruntukan untuk tahun 2020. Inisiatif ini diteruskan semula bermula tahun 2021 sehingga kini. Permohonan untuk tahun 2023 telah dibuka apabila sesi persekolahan tahun 2023/2024 bermula. Perincian pelaksanaan bagi tahun 2021 dan 2022 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Murid	Jumlah Peruntukan	Kadar bayaran sebulan bagi setiap murid
2021	1,817 orang	RM1.2 juta	RM660.09
2022	1,160 orang	RM1.0788 juta	RM463.29

Selain itu, KPM turut melaksanakan inisiatif kepada pengusaha tadika swasta untuk mengurangkan kos pengoperasian masing-masing melalui beberapa pelan rangsangan ekonomi yang dilaksanakan oleh Kerajaan khususnya semasa pandemik COVID-19. Antaranya, pada tahun 2020, kerajaan telah memberikan geran *one-off* di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi atau PENJANA kepada tadika swasta yang berdaftar dengan KPM sebanyak RM5,000 atau RM3,000 berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Di samping itu, bantuan kewangan khas *one-off* sebanyak RM3,000 di bawah pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) pada tahun 2021 turut diberikan kepada pengusaha tadika swasta.

NO SOALAN: 42

Selain itu, berdasarkan peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], KPM turut mengawal selia sebarang kenaikan yuran yang dilaksanakan oleh tadika swasta. Setiap kenaikan yuran hendaklah mendapat kelulusan daripada KPM sebelum dilaksanakan. KPM akan mempertimbang permohonan kenaikan yuran dengan mengambil kira tempoh kelulusan yuran sedia ada serta kadar kenaikan yang dicadangkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AK NAN A/L EHTOOK
TARIKH : 30 MAC 2023

TUAN AK NAN A/L EHTOOK minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah kemajuan ke atas tindakan yang diambil bagi membantu Kerajaan Negeri Kelantan dan Kedah untuk menyelesaikan masalah bekalan air dan apakah sasaran pencapaian yang ditetapkan bagi kedua-dua negeri ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim sentiasa prihatin untuk membantu menyelesaikan masalah bekalan air yang dihadapi di Negeri Kelantan dan Kedah.

2. Dalam hal ini, jabatan dan agensi berkaitan di bawah Kementerian sentiasa memantau setiap perkembangan dan kemajuan pelaksanaan inisiatif berkaitan sumber dan bekalan air yang telah dirangka bagi jangkamasa sederhana dan Panjang di kedua-dua negeri tersebut.

3. Ini kerana Kementerian telah menetapkan sasaran bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran air terawat agar mampu mencapai rizab marjin yang selesa iaitu pada kadar 15% dan ke atas serta menurunkan Kadar Air Tidak Berhasil '*Non-Revenue Water*' (NRW) kepada 40% di kedua-dua buah negeri ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Berdasarkan intervensi pihak Kementerian menerusi penubuhan Jawatankuasa Khas *Task Force* Air Tidak Berhasil (NRW) Negeri Kedah dan Penubuhan Jawatankuasa Khas Isu Bekalan Air Kelantan yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan turut disertai oleh Bahagian Bekalan Air (BBA, NRECC), isu berkaitan bekalan air di kedua-dua buah negeri ini telah mula menunjukkan kemajuan yang positif walaupun impaknya masih kecil.

5. Bagi negeri Kedah, beberapa projek masih dalam peringkat pelaksanaan dengan status kemajuan projek sehingga Februari 2023 adalah seperti berikut:

- i. Kerja-kerja naik taraf dan baikpulih 5 loji rawatan air (LRA) di Pendang, Pelubang, Bukit Selambau, Sungai Limau dan Lubuk Buntar Lama dengan peruntukan sebanyak RM931.6 juta. Projek-projek ini dijangka dapat disiapkan secara berperingkat mulai tahun 2023 hingga 2025;
- ii. Selain itu, SPAN juga telah meluluskan cadangan pembinaan LRA Sidam Kiri dan LRA Kodiang melalui pinjaman Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) berjumlah RM80 juta di bawah tempoh Operasi Keempat (OP4) (2021-2023) Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd (SADA); dan
- iii. Program Pengurangan Kadar Air Tidak Berhasil (NRW) Kebangsaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) melibatkan peruntukan geran keseluruhan berjumlah RM104.7 juta dengan pecahan RM44.7 juta untuk program NRW di Kedah dan RM60 juta untuk program NRW di Langkawi. Kedua-dua projek dijangka siap pada tahun 2023.

6. Kementerian yakin, dengan adanya pemantauan rapi dari *Task Force* ini, projek-projek yang dinyatakan di atas dapat meningkatkan perkhidmatan bekalan air di negeri Kedah.

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Bagi Negeri Kelantan, hasil intervensi *Task Force* dalam memantau pelaksanaan projek dengan lebih rapi, 4 loji rawatan air (LRA) baharu telah beroperasi sejak 2021 melibatkan LRA Kg. Telok 13 JLH, LRA Teluk Mesira 1 JLH, LRA Mini Ketereh 7 JLH dan LRA Mini Wakaf Bharu 10 JLH. Justeru, beberapa kemajuan telah dicapai setakat Februari 2023 seperti berikut:

- i. peningkatan rizab margin air terawat dari 0% kepada 3.9%;
- ii. kapasiti pengeluaran air terawat dapat ditingkatkan dari 509.2 juta liter sehari (JLH) pada 2021 kepada 516.7 JLH;
- iii. bilangan akaun pengguna telah bertambah dari 271,235 akaun pada tahun 2021 kepada 272,933 akaun pada 2022; dan
- iv. capaian bekalan air terawat meningkat dari 71.7% pada tahun 2020 kepada 73.1% pada tahun 2021 berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

8. Justeru, besar harapan Kementerian agar isu bekalan air di kedua-dua negeri ini dapat menunjukkan kemajuan selaras dengan projek-projek yang dilaksanakan serta intervensi kawal selia melalui *task force*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ARMAN AZHA BIN ABU
HANIFAH
TARIKH : 30 MAC 2023

DATO' ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk membuka lebih banyak perjawatan kontrak dalam agensi dan jabatan Kerajaan bagi membantu rakyat yang tidak mempunyai pekerjaan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH, SARAWAK DAN TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kerajaan telah meneruskan inisiatif '*Malaysia Short-term Employment Programme*' atau **MySTEP** bagi tahun **2023**. Inisiatif ini menawarkan **peluang kerjaya secara kontrak dalam sektor awam dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC)**. Tempoh perkhidmatan bagi pegawai MySTEP ini adalah dari 1 Januari sehingga 31 Disember 2023.
2. Secara amnya, **jumlah MySTEP** yang akan ditawarkan pada tahun **2023** adalah sebanyak **50,000 jawatan** yang meliputi **15,000 penempatan di Sektor Awam** dan **35,000 penempatan di GLC/GLIC dan Rakan Strategik**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN
HAMZAH
TARIKH : 30 MAC 2023

DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan dalam menangani masalah kekurangan kakitangan keselamatan (Polis) yang terpaksa menjaga kawasan yang semakin besar dengan pertambahan penduduk dan kawasan perumahan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kekurangan pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) di seluruh negara bukan hanya disebabkan oleh kekurangan perjawatan, tetapi disebabkan oleh masalah pengisian perjawatan kosong. Selain itu, Kerajaan sedar keperluan pertambahan perjawatan bagi membantu Jabatan / Agensi keselamatan melaksanakan fungsi dan peranan yang telah ditetapkan demi menjamin keselamatan dan ketenteraman awam negara. Menerusi kajian yang dijalankan, jumlah perjawatan ideal bagi semua peringkat Jabatan / Agensi akan dikenal pasti bagi memastikan tiada masalah kekurangan perjawatan yang boleh mengganggu keberkesanan operasi serta kekal relevan dan selari dengan dasar pengoptimuman sumber manusia perkhidmatan awam.

Untuk makluman, jumlah perjawatan di Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah berdasarkan Model Perjawatan yang ditetapkan berdasarkan kriteria khas seperti populasi penduduk, kompleksiti dan bebanan tugas serta kadar jenayah di kawasan terlibat.

PDRM menghadapi kekangan dalam penambahan pegawai dan anggota disebabkan dasar semasa kerajaan sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 3.1 Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam (kemaskini 14 Julai 2022) yang mana pewujudan jawatan baharu tidak dibenarkan kecuali melalui kaedah tukar ganti (*trade-off*) dan pindah butiran (*redeployment*) serta tiada implikasi kewangan tambahan.

PDRM kini dalam proses melaksanakan kajian pengoptimuman perjawatan secara menyeluruh bagi melihat keperluan perjawatan sebenar demi memastikan penggunaan sumber manusia yang optimum. Kajian ini turut melibatkan cadangan pewujudan perjawatan PDRM secara hakiki dan holistik.

Statistik Indeks Jenayah Malaysia
bagi tahun 2021 sehingga Februari 2023

Bil.	Tahun	Jumlah
1.	2021	52,794
2.	2022	50,813
3.	2023	8,265

Secara umumnya, kadar jenayah dan bilangan pegawai / anggota PDRM adalah bersesuaian untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan penduduk di Malaysia berdasarkan penurunan Indeks Jenayah secara berterusan dari tahun 2021 sehingga kini. Kerajaan sentiasa menambah baik kekuatan anggota PDRM berdasarkan bilangan penduduk, pembangunan setempat dan isu serta cabaran sesuatu kawasan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L
A.ACHYUTHAN NAIR
TARIKH : 30 MAC 2023

DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pelan pembangunan semula yang direncanakan untuk Hospital Tuanku Jaafar di Seremban, Negeri Sembilan bagi tahun 2023 serta apakah perancangan KKM bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan kesihatan awam di kesemua hospital dan Klinik Kesihatan di seluruh Negeri Sembilan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sememangnya sedang melaksanakan kerja-kerja naik taraf di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban dalam usaha untuk memastikan fasiliti dan pengoperasian hospital berada pada tahap optimum. Kerja-kerja naik taraf tersebut melibatkan sistem kejuruteraan mekanikal dan elektrik di bangunan sedia ada termasuklah di blok wad psikiatri, pengurusan dan Kompleks Wanita dan Kanak-Kanak yang dijangka siap pada November 2023. Selain itu, kerja-kerja menaik taraf di bangunan utama pula dijangka siap pada Januari 2025.
2. Selain itu, KKM juga sedang dalam proses untuk memperluaskan perkhidmatan kesihatan melalui inisiatif **Perkhidmatan Klinik Bergerak** yang bertujuan untuk meningkatkan kebolehcapaian kepada perkhidmatan kesihatan yang komprehensif untuk penduduk di kawasan terpencil serta untuk kumpulan terpinggir. Skop perkhidmatan yang disediakan adalah Jabatan Pesakit dan Luar, Ibu dan Kanak-Kanak termasuk imunisasi, rawatan asas, penyakit kronik, perkhidmatan sekolah, *point of care test*, perkhidmatan kecemasan dan lain-lain.
3. Bagi tahun 2022, Perkhidmatan Klinik Bergerak ini disediakan melalui 243 pasukan klinik bergerak untuk meningkatkan akses kepada populasi yang tinggal jauh dari klinik induk secara darat (4WD, Bas), air (bot) dan udara (helikopter) untuk 11 negeri. Bagi Negeri Sembilan, terdapat lapan (8) pasukan klinik bergerak melalui

darat menyediakan perkhidmatan ini untuk meningkatkan kesinambungan kepada perkhidmatan kesihatan primer dan bagi 2022, seramai 30,348 orang telah menikmati perkhidmatan ini.

4. Dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan akses penduduk kepada perkhidmatan kesihatan di Negeri Sembilan, KKM sedang menaik taraf tiga (3) lagi hospital iaitu;

i. Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah.

Projek blok tambahan yang akan menambahkan 144 katil baru. Projek ini kini dalam fasa pembinaan dan dijangka siap pada Oktober 2024;

ii. Hospital Port Dickson

Projek blok tambahanyang akan menambahkan 140 katil. Projek ini sedang dalam proses tender; dan

iii. Hospital Rembau

Pemasangan *CT scan* untuk menyokong perkhidmatan kepakaran di Hospital Rembau yang juga sedang dalam proses tender.

5. Manakala, bagi Klinik Kesihatan pula, KKM merancang pembinaan empat (4) buah klinik kesihatan yang baharu di Negeri Sembilan seperti berikut;

i. Klinik Kesihatan Rompin dengan kuarters di daerah Jempol yang dijangka siap pada Jun 2023;

- ii. **Klinik Kesihatan Palong 7 & 8 dengan kuarters** di daerah Jempol sebagai gantian kepada klinik sedia ada dan dijangka siap bulan Julai tahun ini;
 - iii. **Klinik Kesihatan Tampin (projek penggantian)** dan dijangka siap pada Jun 2024; dan
 - iv. **Klinik Kesihatan Bandar Baru Sri Sendayan dengan kuarters** di Seremban yang dijangka siap pada Oktober 2025.
6. Selain daripada penambahbaikan daripada aspek pembinaan hospital dan klinik kesihatan, KKM juga sedang melaksanakan Projek Rintis *Electronic Medical Record* (EMR) di Negeri Sembilan yang terdiri daripada empat (4) komponen.
7. Salah satu komponen adalah pembangunan satu platform perkongsian data kesihatan merentasi pelbagai pengamal perubatan sama ada awam atau swasta. Capaian kepada maklumat kesihatan melalui platform ini berupaya mengurangkan kos dan masa di pihak pengguna kerana tidak perlu membuat pengesahan ujian dan prosedur di fasiliti berbeza selain laporan pesakit dapat diperolehi secara cepat dan efisien.
8. Komponen kedua adalah perluasan klinik maya di mana konsultasi klinikal, termasuk penelitian pengimejan dan keputusan makmal bagi perkhidmatan tertentu dapat dibuat secara dalam talian sahaja tanpa pesakit perlu datang ke fasiliti kesihatan.

9. Manakala, dua komponen lagi adalah peningkatan dan peluasan sistem maklumat pesakit di fasiliti hospital dan klinik. Dalam usaha ini, penambahbaikan infrastruktur ICT seperti perkakasan komputer, rangkaian internet dan pengukuhan naik taraf pendawaian dan bangunan dapat dibuat bersekali. Keseluruhan empat (4) aktiviti projek EMR ini akan menyumbang kepada peningkatan mutu perkhidmatan kesihatan (di atas kata kongsi data awam dan swasta) di hospital dan klinik kesihatan yang terlibat di seluruh Negeri Sembilan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK (DR.) RAS ADIBA BINTI**
MOHD RADZI
TARIKH : **30 MAC 2023**

DATUK (DR.) RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah OKU yang telah menerima manfaat menerusi geran *startup* di bawah Cradle Fund serta apakah usaha Kerajaan dalam melahirkan *startup* dalam kalangan komuniti OKU.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) merupakan sebuah agensi pembiaya bagi syarikat *startup* yang menawarkan pembiayaan geran dan program-program pembangunan kapasiti bagi usahawan-usahawan *startup* negara. Program – program pembiayaan geran dan pembangunan kapasiti yang ditawarkan Cradle terbuka kepada segenap lapisan masyarakat tanpa mengira jantina, tahap sosioekonomi, bangsa, agama dan keupayaan pemohon. Kriteria pemilihan bagi melayakkan seseorang pemohon untuk menerima pembiayaan ataupun sokongan daripada Cradle Fund adalah bergantung kepada potensi idea, penyelesaian masalah, ataupun syarikat.

Cradle telah menawarkan pembiayaan geran kepada sebuah syarikat *startup* yang ditubuhkan oleh pengasas OKU. Syarikat tersebut telah berjaya membangunkan dan mengkomersialkan teknologi *augmented reality* (AR) melalui aplikasi mudah alih yang membantu kanak-kanak kelainan upaya pendengaran berumur tiga hingga enam tahun dalam pembelajaran asas Islam.

Sebagai usaha Kerajaan dalam melahirkan *startup* dalam kalangan komuniti OKU, Cradle akan meneruskan program-program pembiayaan serta pembangunan kapasiti melalui Strategi Tindakan MYStartup (MYStartup) bagi tahun 2023. Program-program ini akan memberi peluang kepada usahawan-usahawan *startup* tanpa mengira jantina,

NO SOALAN: 47

tahap sosioekonomi, bangsa, agama dan kemampuan untuk membangun serta mengkomersialkan teknologi. Selain daripada itu, usaha-usaha untuk meningkatkan kesadaran umum mengenai insentif-insentif serta program-program berkaitan *startup* akan diperhebatkan dengan harapan dapat meningkatkan penyertaan golongan OKU.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI
TARIKH : 30 MAC 2023

DATUK PAUL IGAI minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status terkini mengenai cadangan peralihan pengurusan Pelabuhan Bintulu daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian telah menerima surat permohonan daripada Kerajaan Negeri Sarawak mengenai pertukaran status Pelabuhan Bintulu daripada Pelabuhan Persekutuan kepada Pelabuhan Negeri.

2. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan sedang meneliti dan menelusuri permohonan ini secara teratur dan berhemah agar tindakan sewajarnya dapat ditentukan bagi menjamin kesejahteraan dan objektif pihak Kerajaan dan pihak Kerajaan Negeri Sarawak sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM
TARIKH : 30 MAC 2023

TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah kaedah yang akan diguna pakai demi memastikan keterjaminan makanan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan keterjaminan makanan negara, kerajaan melaksanakan tiga (3) kaedah seperti berikut:

Pertama, meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan domestik melalui inisiatif seperti berikut:

- (i) **memperkasakan pengeluaran ikan makanan melalui akuakultur** yang menyasarkan pengeluaran akuakultur berbanding perikanan tangkapan pada nisbah 60:40. Sasaran pengeluaran akuakultur bagi tahun 2023 adalah sebanyak 480,000 tan metrik, manakala sasaran jangka sederhana (2025) dan jangka panjang (2030) masing-masing adalah sebanyak 630,000 tan metrik dan 958,000 tan metrik;
- (ii) **perluasan penternakan secara fidlot dengan memberi tumpuan kepada pemerksaan lembu pedaging** untuk mencapai Tahap Sara Diri (SSR) sebanyak 50% pada 2030 seperti yang dinyatakan di dalam DAN 2.0. KPKM akan memantapkan pusat kuarantin swasta untuk menampung tambahan import lembu hidup serta mengenal pasti pemain industri yang berkebolehan tinggi. Untuk jangka masa panjang, KPKM akan memastikan pembangunan infrastruktur dan logistik industri ternakan fidlot ditambahbaik dan diselenggara; dan

- (iii) **melaksanakan Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB)** yang menyasarkan peningkatan purata hasil padi per hektar daripada 3.5 tan metrik kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melalui pelbagai kaedah pelaksanaan seperti pertanian kontrak, sewaan dan sebagainya.

Selain itu, KPKM turut mengambil inisiatif untuk mempelbagaikan sumber alternatif input pertanian melalui inisiatif berikut:

- (i) **menghasilkan pengeluaran jagung bijian sebanyak 600,000 tan metrik** yang dapat mengurangkan kebergantungan import bahan makanan ternakan sebanyak 30% menjelang tahun 2032. Dalam hal ini, program dan inisiatif dirangka melalui pengukuhan Program Pembangunan Jagung Bijian Negara;
- (ii) **membangunkan bahan makanan ternakan alternatif seperti Black Soldier Fly (BSF) dan Palm Kernal Expeller (PKE) / Palm Kernel Cake (PKC);** dan
- (iii) **memperkasa industri benih tempatan** bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada sumber luar untuk input pertanian.

Kedua, mengimport komoditi makanan yang tidak dapat dihasilkan secara domestik antaranya disebabkan oleh faktor tidak ekonomik, kesesuaian iklim, kekangan sumber tanah serta untuk tujuan menstabilkan bekalan makanan yang terganggu melalui inisiatif seperti berikut:

NO SOALAN: 49

- (i) memudahcara proses dan prosedur perdagangan pertanian dengan memansuhkan *approved permit* (AP) bagi menggalakkan penyertaan pemain industri untuk membawa masuk bekalan bagi memenuhi keperluan dalam negara;
- (ii) mudah cara prosedur import (IP) soya, gandum, jagung dan makanan ternakan berasaskan haiwan dan tumbuhan melalui penangguhan fi permit serta mewujudkan *priority lane* bagi proses kemasukan pantas makanan asas;
- (iii) memberikan kebenaran sementara kemasukan telur ayam dari sumber luar bagi menstabilkan bekalan; dan
- (iv) meningkatkan jumlah loji penyembelihan dan pemprosesan di luar negara bagi membenarkan kemasukan bekalan daging dan keratan yang selamat dan halal.

Ketiga, kerajaan berusaha meningkatkan keupayaan penyimpanan stok makanan (stok penimbal) melalui inisiatif seperti berikut:

- (i) kuantiti stokpail beras telah ditingkatkan daripada 150,000 tan metrik kepada 290,000 tan metrik secara berperingkat menjelang tahun 2023; dan

NO SOALAN: 49

- (ii) KPKM melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan mewujudkan stokpail ikan melibatkan 1,000 tan metrik untuk menjamin kesinambungan bekalan ikan semasa musim tengkujuh dan perayaan. Untuk tujuan ini, 24 outlet baru Q-Fish akan diwujudkan meliputi dua (2) tambahan pembekal baharu bagi tahun 2023;

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ
TARIKH : 30 MAC 2023

DATO' JUHANIS BINTI ABD AZIZ minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang mengambil suntikan dos penggalak kedua bagi vaksin COVID-19 dan apakah usaha Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai rakyat mengambil dos tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 29 Mac 2023, seramai 27,545,536 (84.3%) penduduk telah menerima dos primer lengkap, manakala 16,322,135 (50.0%) penduduk telah menerima dos penggalak pertama dan 816,641 (2.5%) populasi telah menerima menerima dos penggalak kedua. Daripada jumlah tersebut:
 - i. Dalam kalangan penduduk dewasa berumur 18 tahun ke atas, seramai 23,142,290 (98.4%) telah menerima dos primer lengkap, manakala 16,255,559 (69.1%) telah menerima dos penggalak pertama dan 816,159 (3.5%) telah menerima menerima dos penggalak kedua;
 - ii. Dalam kalangan remaja berumur 12 hingga bawah 18 tahun, seramai 2,857,978 (91.9%) telah menerima dos primer lengkap, manakala 60,504 (1.9%) telah menerima dos penggalak pertama; dan
 - iii. Dalam kalangan kanak-kanak berumur 5 hingga bawah 12 tahun, seramai 1,545,268 (43.5%) telah menerima dos primer lengkap.
2. Sebagai langkah berterusan untuk menggalakkan lebih ramai penduduk Malaysia mengambil dos penggalak, KKM telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

NO SOALAN: 50

- i. Pelanggan boleh membuat tempahan janji temu melalui aplikasi MySejahtera dan bebas memilih tarikh, masa, PPV dan jenis vaksin yang dikehendaki;
- ii. Menawarkan perkhidmatan vaksinasi dos penggalak secara terus tanpa janji temu (*walk-in*) kepada golongan berisiko tinggi di semua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) seluruh negara;
- iii. Melaksanakan pemberian dos penggalak secara oportunistik iaitu Klinik kesihatan, hospital dan klinik swasta yang telah beroperasi sebagai PPV menawarkan dos penggalak kepada mana-mana pesakit dan pelanggan yang hadir untuk mendapatkan rawatan bagi penyakit-penyakit lain;
- iv. Menawarkan pemberian dos penggalak secara *heterologous* iaitu individu boleh menerima dos penggalak kedua daripada vaksin yang berlainan jenis dengan dos sebelumnya (dos primer atau dos penggalak pertama) sekiranya tiada kontraindikasi. Namun begitu vaksin Comirnaty (Pfizer) masih merupakan pilihan utama sebagaimana saranan pakar dalam *Technical Working Group* (TWG);
- v. Melaksanakan polisi vial terbuka (*open vial*) di semua PPV. Oleh itu PPV boleh memberikan vaksin tanpa mengumpulkan pelanggan bagi memenuhi kuota satu (1) vial vaksin. Contohnya tidak perlu menunggu enam pelanggan untuk membuka satu vial vaksin jenis Comirnaty;

- vi. Meningkatkan hebahan melalui media sosial, media arus perdana dan hebahan kawasan setempat. Pelbagai program seperti slot media/ radio, ceramah dan webinar telah dilaksanakan. Mesej berkenaan dos penggalak juga telah dihasilkan dalam bentuk infografik, FAQ dan video dalam pelbagai bahasa. Bahan-bahan ini telah dimuat naik di laman web KKM dan media sosial KKM; dan

- vii. Pelaporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI) secara berkala dalam laman web Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) bagi memberi maklumat sebenar kejadian AEFI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ROBERT LAU HUI YEW
TARIKH : 30 MAC 2023

TUAN ROBERT LAU HUI YEW minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah strategi dan pelan tindakan Kerajaan dalam menggubal dan sentiasa menyegarkan semula serta menaik taraf kokurikulum sekolah agar pelajar dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran yang sesuai dengan era ini, terutamanya dalam aspek kemahiran insaniah (soft skills).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi ruang dan peluang kepada murid untuk terlibat dalam aktiviti kokurikulum bagi melahirkan modal insan secara holistik dalam memenuhi keperluan negara pada masa hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, garis panduan pelaksanaan kokurikulum sentiasa dikemaskini selaras dengan perkembangan keperluan semasa termasuk peningkatan kemajuan teknologi terkini. KPM juga komited dalam menilai semula modul aktiviti kokurikulum yang diguna pakai di sekolah agar kekal relevan sejajar dengan kurikulum semasa serta Dasar Pendidikan Kebangsaan bagi membentuk modal insan yang seimbang.

Selaras dengan kemajuan abad ke-21, KPM juga menekankan kepada kaedah pembelajaran secara pendidikan formal atau tidak formal serta berunsurkan inkuiri, *edutainment* dan juga *fun learning* dalam aktiviti kokurikulum. Kaedah pembelajaran ini adalah lebih menyeronokkan dan bersifat interaktif serta memberi peluang kepada murid menerokai bidang yang diminati menerusi aktiviti kokurikulum.

NO SOALAN: 51

Selain itu, KPM turut menekankan pembangunan adab, akhlak dan integriti murid yang diperkenalkan menerusi 7 Teras Nadi Keunggulan KPM dalam aktiviti kokurikulum. Pendekatan ini bagi memastikan generasi masa depan mempunyai jati diri yang kukuh di samping dapat mewujudkan suasana harmoni yang boleh menghindari gejala negatif dan membentuk nilai-nilai sosial yang positif seperti yang dihasratkan.

KPM turut bekerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam membantu meningkatkan kualiti pendidikan melalui aktiviti kokurikulum. KPM sentiasa melibatkan ahli akademik daripada institusi pendidikan tinggi awam dan institusi pendidikan tinggi swasta terutamanya dalam program ko-akademik bagi memupuk dan menerapkan minat murid dalam pelbagai bidang. KPM juga mengamalkan konsep pengantarabangsaan dalam aktiviti kokurikulum dengan menyediakan platform bagi murid untuk memperolehi pendedahan dalam bidang yang diceburi pada peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L
RENGANATHAN
TARIKH : 30 MAC 2023

DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah insentif-insentif terkini yang dihulurkan oleh Kerajaan kepada golongan belia yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi membantu dan menggalakkan golongan muda menceburkan diri dalam bidang pertanian, Kementerian juga menyediakan insentif melalui Program Agropreneur Muda dengan penawaran bantuan geran dalam bentuk barangan sehingga RM20,000 bagi setiap penerima. Bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu golongan muda mengurangkan kos permulaan projek-projek pertanian dan agromakanan. Di samping itu, Kementerian juga turut menyediakan khidmat nasihat dan latihan-latihan teknikal agropreneur dalam semua subsektor agromakanan bagi membantu mereka meningkatkan kemahiran untuk memastikan projek-projek yang dijalankan berjaya mengeluarkan hasil yang tinggi seterusnya menjana pendapatan.

Kementerian sentiasa optimis untuk terus meneroka peluang-peluang kerjasama baharu dengan pemegang taruh yang berkaitan menerusi platform Program Agropreneur Muda dalam usaha untuk menarik dan mengekalkan golongan muda dalam sektor pertanian. Kementerian berharap dengan penglibatan berterusan golongan muda ini akan dapat membantu untuk meningkatkan output dan kualiti pengeluaran, seterusnya merencanakan pertumbuhan ekonomi dan sosial negara melalui sektor pertanian dan agromakanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH
SUFFIAN
TARIKH : 30 MAC 2023

TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH SUFFIAN minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pandangan mengenai kewujudan pangkalan tentera China di Kepulauan Spratly serta implikasi dan risikonya kepada keselamatan serta ekonomi Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY ABD KADIR
MENTERI LUAR NEGERI
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Jaziri atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Tidak dinafikan bahawa isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif. Ini adalah jelas dengan tuntutan negara-negara penuntut Laut China Selatan, termasuk usaha-usaha dan tindakan-tindakan yang dilakukan untuk menzahirkan tuntutan masing-masing di dalam perairan atau fitur yang diduduki.

3. Oleh yang demikian, Kerajaan mengambil pendekatan bagi isu ini dikendalikan secara konstruktif, menggunakan forum dan saluran diplomatik yang sesuai. Sehubungan ini, adalah penting bagi Malaysia untuk terus menjalinkan dan mengekalkan hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara lain, termasuk negara-negara penuntut Laut China Selatan (dengan izin, *Claimant States*) lain sebagai usaha untuk menjaga keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau.

4. Namun begitu, Kerajaan Malaysia tegas dalam pendirian dan tindakan untuk melaksanakan komitmen untuk memastikan kedaulatan, hak berdaulat dan kepentingan negara sentiasa terpelihara. Dalam masa yang sama, Kerajaan sentiasa mengambil pendekatan berhati-hati bagi mengelakkan sebarang tindakan yang boleh menyebabkan insiden yang tidak diingini berlaku atau meningkatkan ketegangan di kawasan perairan tersebut.

5. Kementerian, bersama-sama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sentiasa komited dan memberikan perhatian yang khusus terhadap keselamatan di kawasan perairan negara. Tindakan yang diambil termasuklah rondaan, pengawasan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan secara berterusan, untuk memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa terpelihara. Ini termasuklah pelaksanaan penguatkuasaan untuk memelihara sumber ekonomi, termasuk infrastruktur berkaitan, dari ancaman dan eksploitasi oleh negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Antara langkah untuk memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China juga telah memeterai Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) pada 4 November 2002. Selaras dengan persetujuan di bawah DOC tersebut, negara-negara ASEAN telah mengambil pendekatan, dengan izin, “*self-restraint*” dan memastikan tindakan-tindakan yang diambil dan aktiviti-aktiviti yang

dijalankan di Laut China Selatan tidak meningkatkan ketegangan di perairan tersebut. Negara-negara ASEAN dan China juga melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dipersetujui bersama di bawah platform DOC yang boleh meningkatkan kepercayaan antara satu sama lain.

7. Buat masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang merundingkan Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea (COC)*. COC dilihat sebagai satu kod tatacara untuk mengelakkan konflik dan ketegangan di Laut China Selatan. Ianya adalah tanpa prejudis terhadap tuntutan wilayah dan maritim negara masing-masing.

8. Dalam melaksanakan rundingan COC tersebut, Malaysia sentiasa memastikan bahawa COC yang akan dirundingkan tidak sekali-kali menjejaskan kedaulatan dan hak kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L
NACHIAPPAN
TARIKH : 30 MAC 2023

TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk perumahan bagi golongan belia dan pertama kali.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang merancang pembinaan Rumah Belia Madani (RBM) di kawasan Lembah Klang. Inisiatif RBM adalah inisiatif Kerajaan dalam penyediaan perumahan secara transit untuk golongan belia yang berumur 35 tahun dan ke bawah untuk mendiami rumah tersebut bagi sesuatu tempoh yang dirasakan cukup sehingga mereka dapat mengukuhkan kedudukan kewangan dan seterusnya memiliki kediaman sendiri. RBM yang pertama akan dibangunkan di Mukim Batu, Sentul melibatkan 1,048 unit rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membantu pembeli rumah pertama, KPKT telah melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- i. melaksanakan kerjasama dengan Kementerian Kewangan melancarkan Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia (i-Biaya). Salah satu inisiatif di bawahnya adalah Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) iaitu pembiayaan perumahan tanpa perlu membayar wang pendahuluan yang ditawarkan kepada golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap atau kumpulan gig ekonomi; dan

NO SOALAN: 54

- ii. melaksanakan Inisiatif i-Miliki yang melibatkan pemberian insentif pengecualian sepenuhnya duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi rumah bernilai RM500,000 ke bawah dan pengecualian duti setem sebanyak 75 peratus (75%) untuk rumah bernilai RM500,000 sehingga RM1 juta bagi pemilikan rumah pertama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 30 MAC 2022

DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah komitmen Kerajaan untuk menaik taraf institusi Darul Quran milik JAKIM kepada Universiti Al-Quran (UAQ) seperti yang pernah dicadangkan sebelum ini.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI
MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dalam memartabatkan pendidikan Islam di negara ini. Walau bagaimanapun, isu berkaitan naik taraf Darul Quran ini masih lagi dalam penelitian Kerajaan. Sebelum perkara ini dapat dilaksanakan, Kerajaan masih perlu melihat beberapa aspek seperti :
 - i. Perundangan dan dasar pewujudan universiti awam yang sedang berkuatkuasa pada masa sekarang
 - ii. Kesediaan Darul Quran untuk dinaik taraf termasuk dari segi kemampuan sumber manusia, logistik dan prasarana Pendidikan
 - iii. Daya saing dan kelestarian sebagai sebuah universiti awam

2. Walaupun Darul Quran, belum dinaik taraf sebagai sebuah universiti tetapi usaha untuk meningkatkan fungsi dan memperkasakan peranannya sebagai sebuah institusi pengajian tahfiz negara bersesuaian dengan kehendak dan keperluan negara masa kini tetap giat dilaksanakan. Pada masa sekarang Darul Quran telah bekerjasama dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam menawarkan program tahfiz di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Pelbagai bentuk kolaborasi dengan universiti

- universiti tempatan dan antarabangsa boleh diterokai oleh Darul Quran dari semasa ke semasa. Setakat ini selain USIM, Darul Quran turut sama bekerjasama dengan beberapa universiti awam dan swasta dalam menawarkan program di peringkat pensijilan Tahfiz. Antaranya adalah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

3. Selain itu, pada masa ini telah pun wujud beberapa buah universiti yang menawarkan Pendidikan Tahfiz dan al-Quran seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) yang boleh dijadikan rakan strategik oleh Darul Quran. JAKIM sebagai institusi yang mengawal selia Darul Quran sentiasa bekerjasama dengan pihak kementerian Pendidikan Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia bagi memastikan Darul Quran akan terus menjadi pemberi Pendidikan Tinggi yang berdaya saing dan mampan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA 2023, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER
TARIKH : 30 MAC 2023**

DATO' SRI TI LIAN KER minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah terdapat kenaikan jumlah Geran Rukun Tetangga bagi tahun 2023 untuk setiap Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang berjumlah RM6,000 sebelum ini atau Kementerian mempunyai cadangan alternatif lain bagi terus memperkasa KRT di seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2023, Geran Rukun Tetangga yang diberikan kepada setiap Kawasan Rukun Tetangga (KRT) adalah berjumlah RM6,000. Kementerian Perpaduan Negara **akan sentiasa memohon dengan Kementerian Kewangan supaya Geran ini dinaikkan.**

2. Kementerian ini sentiasa komited untuk memperkasakan KRT di seluruh negara secara berterusan. Justeru, Kementerian telah pun melancarkan **Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030** yang menyediakan **panduan dan hala tuju KRT yang jelas, berstruktur dan komprehensif** untuk memacu keberkesanan agenda perpaduan dalam komuniti.

3. Dalam konteks ini, Pelan Pemerksaan tersebut telah menfokuskan **lima (5) teras strategik** seperti berikut:
 - (i) Memperkukuhkan kepimpinan Rukun Tetangga sebagai **pemangkin perpaduan;**
 - (ii) Memperkasakan khidmat komuniti sebagai **tapak integrasi nasional;**
 - (iii) Meningkatkan keselamatan dan keharmonian komuniti menerusi **aktiviti kesukarelawanan;**
 - (iv) Memantapkan peranan Rukun Tetangga dalam **meningkatkan kesejahteraan komuniti;** dan
 - (v) **Memperkasakan kelompok komuniti** seperti Jiran Wanita, Jiran Muda, Jiran Warga Emas dan Tunas Jiran.

4. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) mengambil alternatif menyelaras **tindakan kerjasama bersepadu di antara KRT dengan pelbagai Rakan Strategik Perpaduan** yang merentasi Agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pihak korporat, swasta, institusi pendidikan dan masyarakat setempat.

5. Ke arah menterjemahkan dan melancarkan pelaksanaan Pelan Pemerkasaan ini, Kementerian Perpaduan Negara telah menyediakan **Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga (RT4ALL)** yang mengandungi **empat (4) Gerak Kerja KRT** iaitu:
 - (i) **KRT Sejahtera** (fokus kepada kesejahteraan hidup);
 - (ii) **KRT Selamat** (tanggungjawab menjaga keselamatan bersama komuniti);
 - (iii) **KRT Bersih dan Indah** (fokus amalan penjagaan dan keindahan kawasan); dan
 - (iv) **KRT Sihat** (fokus amalan gaya hidup sihat).

6. Untuk merealisasikan aspirasi Malaysia Madani, **peranan dan impak KRT akan terus diperkukuhkan** melalui **pelaksanaan Program Komuniti RAHMAH** yang merupakan salah satu daripada kluster di bawah **Kerangka Kembara Perpaduan Malaysia Madani** selain daripada **Semarak PERPADUAN** dan **Semarak KENEGARAAN**.

Sekian, terima kasih.